

LAPORAN TAHUNAN

PUSAT
HIDROGRAFI
NASIONAL
2015



KANDUNGAN

PERUTUSAN

CARTA ORGANISASI

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Pengurusan Strategik |
Perekayasaan dan Inovasi |
Pengurusan Kewangan |
Pembangunan Sumber Manusia |
Latihan dan Kursus |
Rancang dan Operasi |
Produk dan Publikasi |
Meteorologi dan Oseanografi |
KD PERANTAU |
KD MUTIARA |
Pejabat Hidrografi Serantau KD SRI SANDAKAN |
Sekolah Pengajian Hidrografi |
Penglibatan PHN |

PUSMAS TLDM

KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH



Backdrop:
Komplek PHN



PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Bandar Armada Putra,
Pulau Indah
42009 PELABUHAN KLANG
Selangor, MALAYSIA

Tel : +603 3169 4400 Fax : +603 3101 3111
Email: nhc@hydro.gov.my, nhc@navy.mil.my

www.hydro.gov.my



No. Pendaftaran : AP 3239



Bangunan Pentadbiran PHN

PERUTUSAN

Terlebih dahulu, suka saya menyatakan bahawa Pusat Hidrografi Nasional (PHN) akan terus komited terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan seiring dengan pembangunan dan kecemerlangan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta perubahan dinamik yang berlaku secara global terhadap teknologi pengukuran hidrografi dan pencartaan. Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengukuran hidrografi dan pencartaan di dalam perairan negara, PHN terus memainkan peranan yang aktif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Fungsi dan peranan yang dilaksanakan oleh PHN bersifat tri-fungsi yang melibatkan obligasinya terhadap kepentingan ketenteraan, Nasional dan antarabangsa. Sebagai negara anggota kepada *International Hydrographic Organisation* (IHO) dan *International Maritime Organisation* (IMO), Malaysia mempunyai tugas, hak tanggungjawab, obligasi dan liabiliti tertentu yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan.

Keperluan kepada pengukuran hidrografi dan pencartaan amat penting selaras dengan obligasi negara terhadap komuniti maritim antarabangsa untuk keselamatan pelayaran di laut. Selaku Penguasa Hidrografi Negara, PHN juga adalah penasihat teknikal kepada kerajaan Malaysia berhubung isu persempadanan zon maritim, penyelidikan saintifik marin, pembangunan pesisir pantai, eksplorasi dan eksploitasi sumber marin serta aktiviti lain yang melibatkan bidang hidrografi.

Laporan Ketua Pengarah Hidrografi (LKPH) yang dikeluarkan setiap tahun merupakan wadah penyampaian maklumat secara rasmi berhubung pelaksanaan dan pencapaian aktiviti hidrografi oleh aset hidrografi TLDM yang terdiri daripada PHN dan unit-unit hidrografi sokongan seperti KD MUTIARA, KD PERANTAU, Sekolah Pengajian Hidrografi (SPH) dan Pejabat Hidrografi Serantau (PHS) Sandakan. LKPH 2015 ini merupakan kesinambungan daripada laporan tahunan yang telah dibuat terdahulu dan akan memberi fokus kepada pelaksanaan serta pencapaian aktiviti hidrografi oleh aset-aset hidrografi TLDM bagi tahun 2015.

Secara ringkasnya, PHN telah berjaya melaksanakan pengukuran hidrografi dan penerbitan produk nautika selari dengan keperluan tugas teras yang telah diamanahkan serta turut memenuhi



**LAKSAMANA MUDA DATO' PAHLAWAN
ZAAIM BIN HASAN**
Ketua Pengarah Hidrografi

sasaran kerja tahunan bagi tahun 2015. PHN merupakan agensi yang telah dipersijilkan MS ISO 9001:2008 dan seterusnya akan meningkatkan pengurusan melalui persijilkan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2016.


Dalam masa yang sama, PHN turut terlibat di dalam beberapa aktiviti mesyuarat, persidangan dan seminar yang melibatkan hal ehwal hidrografi di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Selaku wakil negara ke Suruhanjaya Hidrografi Asia Timur, saya juga telah diberikan kepercayaan oleh perwakilan negara ahli sebagai Pengerusi kepada Suruhanjaya tersebut untuk penggal Oktober 2015 hingga Oktober 2018.



Penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepada PHN secara tidak langsung telah menunjukkan pengiktirafan oleh agensi kerajaan dan swasta serta antarabangsa terhadap kredibiliti dan peranan yang telah dimainkan oleh PHN selaku Penguasa Hidrografi Negara di Malaysia. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan oleh PHN di dalam meningkatkan prestasi dan penglibatan di dalam aktiviti hidrografi di dalam dan luar negara. Justeru itu, PHN harus terus berusaha dengan lebih gigih untuk melangkah jauh ke hadapan bagi menghadapi cabaran yang lebih mencabar di masa akan datang. Kesemua '*Hydro People*' diharapkan agar dapat memberikan komitmen yang lebih tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab di samping bersama-sama menggembelng tenaga serta menghayati budaya kerja cemerlang bagi merealisasikan misi dan visi PHN.

Akhir kata, saya ingin merakam penghargaan dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga Pangkalan TLDM Pulau Indah atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2015. Saya berharap semua peringkat warga PHN dapat meningkatkan lagi usaha agar PHN dan unit naungan akan beroleh kejayaan yang lebih cemerlang dan membanggakan dalam tahun 2016. Sama-samalah kita berdoa agar semua warga Pangkalan TLDM Pulau Indah sentiasa diberi perlindungan, kesihatan dan kekuatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita mampu menyumbang ke arah menjadikan TLDM sebagai 'Tentera Laut Bertaraf Dunia', Insya-Allah.


SEDIA BERKORBAN



ORGANISASI

Cawangan Hidrografi TLDM telah dijadikan badan yang layak dan bertanggungjawab menjalankan Pengukuran Hidrografi di Malaysia - Mesyuarat Kabinet Bil 443/837/72 bertarikh 31 Oktober 1972. Cawangan Hidrografi TLDM telah dinaik taraf menjadi PHN dan KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS) diwujudkan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab pentadbiran dan bantuan bagi PHN. Seterusnya, KD SAAS ditauliahkan pada 19 Disember 2006. Organisasi PHN telah berkembang apabila Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM diletakkan sebagai salah satu unit naungan apabila penstrukturan semula Organisasi TLDM 2013 dipersetujui oleh Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke-528 pada 19 September 2013.

FED (M) NO. 2120/1/2014 Bertarikh 31 Disember 2014



Backdrop:

Seamount Santubong

Fitur dasar laut ini ditemui semasa pengukuran hidrografi di Beting Raja Jarom pada tahun 2013 dan telah digazet oleh GEBCO *Sub-Committee on Undersea Feature Names* (SCUFN) semasa mesyuarat ke 28 di Niteroi, Brazil pada Okt 15

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

MISI

「Menjadi penyumbang perkhidmatan hidrografi yang berkualiti dan berkredibel」

VISI

「Menyediakan maklumat hidrografi yang tepat pada kadar masa yang wajar untuk kegunaan navigasi marin, pembangunan Nasional, pertahanan Negara dan kegunaan lain」





PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

PENGURUSAN STRATEGIK


PHN turut mendukung Pelan Strategik TLDM 1320 bagi merangsang penglibatan PHN di dalam penyediaan angkatan laut yang seimbang dan kredibel untuk mencapai kecemerlangan dalam pelaksanaan operasi dan eksekusi dan penglibatan strategik. PHN telah mewujudkan 26 *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur pencapaian strategi yang digariskan. PHN turut mengekalkan 4 nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan.

PHN mengambil langkah untuk meneruskan penglibatan warga PHN terhadap nilai teras TLDM melalui pelbagai aktiviti untuk memastikan nilai teras TLDM dihayati dan dipatuhi setiap masa. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah ceramah agama berkaitan nilai murni, penghayatan Peraturan Angkatan Tentera 1972 dan perkongsian maklumat dan arahan terkini Pengurusan Tertinggi TLDM.



KD SRI KLANG

PETA STRATEGIK PHN



PEREKAYASAAN DAN INOVASI

ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN (AIKP) 2015

Pada tahun 2015, PHN telah menyertai pertandingan AIKP dengan mempertaruhkan Projek *iOperation Map* atau singkatannya iO-Map di bawah Kategori Pengurusan Pelanggan. iO-Map merupakan usaha inovasi yang dizahirkan untuk menjimatkan penggunaan kos barang pakai habis, namun ia telah menjangkau matlamatnya dengan wujudnya perkongsian pintar bersama agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa Hidrografi Negara (JHN). Penggunaan iO-Map telah mentransformasikan kaedah penggunaan carta dari format kertas kepada format digital. iO-Map telah banyak menerima surat penghargaan dari unit ATM, agensi kerajaan dan pihak universiti yang telah menggunakan iO-Map.

iO Map telah terpilih antara 5 projek yang terbaik di dalam kategorinya. Lanjutan daripada itu sesi lawatan tapak telah dilakukan oleh Panel Pengadil AIKP 2015 yang diketuai oleh En. Maniam a/l Arumugam, Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Pertahanan dan disertai oleh ahli panel yang lain.

Sesi taklimat dipengerusikan oleh Kept Norhizam bin Hassan @ Abd Ghani TLDM, Pengarah Pencartaan PHN TLDM dan dimulakan pada jam 1500H bertempat di Bilik Mesyuarat Batimetri. Taklimat dan demonstrasi iO-Map telah disampaikan oleh Ketua Kumpulan Projek dan seterusnya sesi soal jawab. Pihak PHN amat berbesar hati dengan kehadiran wakil pelanggan kami dari Jabatan Laut Malaysia iaitu Tuan Hj. Mohd Hafiz.



Delegasi Panel Pengadil AIKP 2015 yang diketuai oleh En. Maniam a/l Arumugam, Setiausaha Bahagian Kewangan



Sesi Taklimat yang diketuai oleh Kept Norhizam Hassan TLDM, Pengarah Pencartaan, Pusat Hidrografi Nasional

PENGURUSAN KEWANGAN


Peruntukan Dasar Sedia Ada (DSA) Pusat Tanggungjawab (PTJ) 450101 Hidrografi bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM 24,866,000.00 (100%). Walau bagaimanapun, peruntukan PHN telah diselaraskan menjadi RM 20,642,528.47 melalui Waran Sekatan, Waran Pindah Peruntukan dan pelarasan peruntukan bagi membantu unit-unit TLDM yang lain. Sebanyak RM 20,136,918.01 (97.55%) telah digunakan, manakala peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan adalah sebanyak RM 505,610.46 (2.45%) atas dasar penjimatan.

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan PHN dinilai memuaskan. Sebanyak 2,672 baucer bayaran telah dikeluarkan oleh PTJ bagi membayar 867 tanggungan kontrak, 442 Pesanan Kerajaan melalui ePerolehan, 29 Pesanan Kerajaan melalui Sistem Perancangan dan Kawalan Perbelanjaan Elektronik (eSPKB) dan lain-lain tuntutan tugas rasmi, kursus, cuti dan pindah warga PHN.

Walaupun terdapat penurunan daripada 4 Bintang kepada 3 Bintang dalam Audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan *Accountability Index Management System* (AIMS) oleh Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) pada 23 hingga 27 Mac 2015, PHN telah berjaya mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam pengurusan aset dan pengurusan organisasi bagi mempertingkatkan lagi prestasi audit di masa akan datang.

Bagi Audit Naziran eSPKB oleh Bahagian Akaun Kementerian Pertahanan pada 4 hingga 6 Februari 2015, PTJ PHN telah mencapai keputusan yang amat memuaskan dalam aspek pengurusan dokumen kewangan eSPKB. Namun, cadangan penambahbaikan turut diberi oleh Bahagian Akaun agar menaik taraf carta aliran pengurusan organisasi supaya dapat menambah baik Penyelenggaraan Pengguna eSPKB di masa akan datang.

Bagi Pengurusan Hasil melalui eTerimaan pula, PHN telah mencatat terimaan tahunan sebanyak RM 3,614,535.91 bagi tahun 2015. Jumlah terimaan ini adalah hasil daripada penjualan carta-carta nautika, buku-buku jadual pasang surut dan bayaran royalti.



Carta menunjukkan peratusan perbelanjaan dan penjimatan peruntukkan bagi tahun 2015



Bangunan Bahagian Pencartaan

AUDIT KEWANGAN 2015

Siri	Tarikh	Perkara	Perkara Diaudit	Pencapaian
1.	4 hingga 6 Feb	Audit Naziran eSPKB oleh Bahagian Akaun Kementerian Pertahanan	• Penyelenggaraan Pengguna eSPKB • Dokumen Kewangan eSPKB • Laporan eSPKB • Pengurusan Dokumen Kewangan	PTJ PHN telah mencapai prestasi yang amat memuaskan dalam aspek pengurusan dokumen kewangan eSPKB
2.	23 hingga 27 Mac	Audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan <i>Accountability Index Management System</i> (AIMS) oleh Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA)	• Kawalan Pengurusan Organisasi • Kawalan Terimaan • Kawalan Bajet • Kawalan Perbelanjaan • Pengurusan Wang Amanah dan Deposit • Pengurusan Aset, Inventori dan Stor	PTJ PHN mencatat penurunan daripada 4 Bintang kepada 3 Bintang dan prestasi yang memuaskan.
3.	7 dan 8 Mei	Audit Verifikasi <i>System Star Rating</i> (SSR) 2014	• Tindakan ke atas Teguran Audit SSR 2014 yang lalu	PHN telah menjawab dan mengambil tindakan terhadap teguran Audit SSR 2014 dari segi Kewangan dan Perolehan.



Bangunan Percetakan


PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

KEANGGOTAAN PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Berdasarkan penyusunan semula Struktur Organisasi TLDM 2013, terdapat peningkatan taraf perjawatan bagi jawatan Ketua Pengarah Hidrografi dari pangkat Laksamana Pertama ke Laksamana Muda dan Jawatan Pengarah Hidrografi dari Kepten TLDM kepada Laksamana Pertama. Sejalan dengan peningkatan taraf perjawatan tersebut, PUSMAS TLDM, KD SAAS dan dua buah kapal Skuadron Ke-36 Hidro diletakkan di bawah naungan PHN dan justeru menjadikan PHN salah sebuah markas di dalam TLDM.

Sumber manusia atau modal insan adalah penting dalam setiap organisasi yang dibina. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap pembangunan organisasi dan pengurusan sumber manusia yang menjadi pemangkin kepada pembangunan dan hala tuju sesebuah organisasi. Justeru itu, pengisian perjawatan dalam erti kata '*Right Man for the Right Job*' adalah satu elemen yang penting dalam memastikan PHN berjaya mencapai Visi dan Misi serta sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan oleh pengurusan tertinggi TLDM. Selain daripada itu, PHN bertanggungjawab untuk memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak stakeholder serta selaras dengan Visi TLDM iaitu 'Tentera Laut Bertaraf Dunia'.

Berakhir sehingga 31 Disember 2015, PHN mempunyai seramai 506 anggota di bawah naungan markas iaitu terdiri daripada 84 orang pegawai dan 422 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dan 5 orang penjawat awam. Daripada jumlah tersebut seramai 8 orang LLP ditugaskan di Istana Sultan Selangor. Seramai 140 anggota Cawangan Hidrografi berkhidmat di PHN iaitu 38 orang pegawai dan 102 anggota lain-lain pangkat. Selebihnya diperjawatkan di kapal hidrografi, SPH, PHS di KD SRI SANDAKAN (KDSS) dan unit-unit TLDM yang lain. Selain itu, terdapat juga pegawai-pegawai hidrografi yang menjawat jawatan *secondment* di agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam. Seramai 3 orang pegawai dan 39 anggota LLP sedang mengikuti kursus peralihan pada tahun 2015 sebagai persediaan untuk menamatkan perkhidmatan pada tahun 2016.




PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 81% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.

Fed (M) 21 20/1/2014
Pegawai : 45
LLP : 128


Cawangan Hidrografi



KD MUTIARA

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 129% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.


Fed (M) 2711/12/1978 (Pindaan 13/2014)
Pegawai : 13
LLP : 86



KD PERANTAU

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 109% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.

Fed (M) 2363/1/1997 (Pindaan 2/2014)
Pegawai : 11
LLP : 82



SPH KD PELANDOK


Pengisian perjawatan adalah sebanyak 138% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.

Fed (M) 2080/21/2008
Pegawai : 4
LLP : 9

PHS KD SRI SANDAKAN

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 116% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.


Fed (M) 2021/1/95 (Pindaan 2/2014)
Pegawai : 2
LLP : 10



PUSMAS TLDM

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 145% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.


Fed (M) NO 20121/1/2014
Pegawai : 4
LLP : 16



KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

Pengisian perjawatan adalah sebanyak 104% daripada jumlah perjawatan yang telah diluluskan.

Fed (M) NO 20121/1/2014
Pegawai : 7 (termasuk 1 TDM)
LLP : 93 (termasuk 3 TDM)



LATIHAN DAN KURSUS

LATIHAN DAN KURSUS UNTUK KEPAKARAN HIDROGRAFI

Selaras dengan dasar latihan yang ditetapkan oleh perkhidmatan dalam menjana modal insan yang berketerampilan dan berpengetahuan, PHN secara berterusan merancang dan mengadakan latihan serta kursus khusus kepada warga hidrografi. Ini adalah kerana, sebagai sebuah entiti yang berperanan dan bertanggungjawab di dalam hal ehwal hidrografi sama ada di peringkat TLDM, nasional mahupun wakil Malaysia di peringkat antarabangsa, PHN perlu memastikan setiap warga hidrografi mempunyai kompetensi dan berkebolehan tinggi dalam melaksanakan tugas harian agar mutu kerja dan produk yang dihasilkan berkualiti.

Latihan yang dirancang dan dilaksanakan secara teliti akan berupaya untuk memberi nilai tambah dan manfaat kepada setiap warga hidrografi dalam memastikan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki setiap anggota sentiasa dipertingkatkan. Kursus ataupun latihan berkaitan bidang hidrografi tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

- Kursus Rancangan Latihan (RALA) TLDM.
- Kursus yang dilaksanakan di luar negara.
- Kursus di luar RALA TLDM atau anjuran pihak lain.
- Latihan Bulanan Seksyen.

KURSUS (RALA TLDM 2015)

Bagi tahun 2015, PHN telah menyenaraikan 15 kursus di dalam RALA TLDM 2015 di mana 10 kursus yang didaftarkan dikategorikan sebagai kursus *Billet Pre-Requisite* (BPR) dan 5 lagi kursus adalah di bawah kursus pengukuhan. Walau bagaimanapun, hanya 1 kursus dari 15 kursus iaitu Kursus Panjang Hidrografi Kategori A terpaksa ditangguhkan pada tahun ini dan dibawa kepada tahun 2016 kerana pihak penganjur iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak dapat melaksanakan kursus tersebut atas sebab-sebab tertentu. Justeru, hanya 14 kursus yang telah dilaksanakan oleh PHN dengan pencapaian peratusan 93%.

SENARAI KURSUS RALA TLDM 2015

Bil	Nama Kursus/ Latihan/ Bengkel	Tempat	Tarikh	Peserta
1.	Pra Asas Hidrografi	KDSI 1	26 Jan - 6 Feb	12 x Pegawai
2.	ENC CARIS S-57 <i>Composer Additional Military Layers (AML) Production</i>	PHN	23 - 27 Feb	2 x Pegawai 8 x LLP
3.	Asas Hidrografi Kategori B	UTM Skudai	8 Mac - 10 Sep	6 x Pegawai
4.	CARIS HIPS SIPS Versi 9.0	PHN	23 - 27 Mac	7 x Pegawai 3 x LLP
5.	Aplikasi <i>Geographical Information System</i> (GIS)	PHN	5 - 8 Mei	10 x LLP
6.	Pengendalian Peralatan Oseanografi	PHN	11 - 15 Mei	2 x Pegawai 8 x LLP
7.	Grafik (Artist Design)	GIAT MARA, Bangi	1 Jul - 31 Dis	2 x LLP
8.	Teknologi Percetakan	GIAT MARA, Bangi	1 Jul - 31 Dis	2 x LLP
9.	<i>Advance Digital Chart Production using CARIS GIS</i>	PHN	24 - 28 Ogos	2 x Pegawai 11 x LLP
10.	Pengendalian Sistem Maklumat Hidrografi - QIMERA Pro Software	PHN	12 - 13 Okt	5 x Pegawai 5 x LLP
11.	Pengendalian <i>Digital Hydrographic Archiving System</i> (DHAS)	PHN	16 - 20 Nov	2 x Pegawai 8 x LLP
12.	Lanjutan Oseanografi	UMT	23 Nov - 15 Dis	10 x Pegawai
13.	Sistem Penerbitan Carta Elektronik	PHN	30 Nov - 4 Dis	6 x LLP
14.	Pengendalian <i>Digital Document Management System</i> (DDMS)	PHN	8 - 12 Jun	2 x Pegawai 8 x LLP

KURSUS LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2015, PHN telah menerima pelbagai tawaran kursus yang diadakan di luar negara menjurus kepada bidang hidrografi, 2 dari 11 kursus tersebut adalah Kursus Hidrografi Kategori B anjuran negara Indonesia dan Australia. Seramai 10 orang pegawai telah dipilih oleh TLDM bagi mengikuti kursus-kursus tersebut. Secara puratanya PHN berjaya mencapai 100% penyertaan dengan memenuhi kesemua tawaran kursus luar negara tersebut.

Bil	Nama Kursus/ Latihan/ Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	<i>Training on Maritime Safety Information (MSI)</i>	Japan Hydrographic and Oceanographic Department (JHOD), Japan	3 - 5 Mac
2.	Kursus Validasi ENC Antarabangsa	Wollongong, Australia	25 Mei - 5 Jun
3.	Kursus Pendidikan Spesialisasi Perwira (Dikspespa) Hidros Oseanografi Kategori B	Jakarta, Indonesia	23 Jun - 18 Dis
4.	<i>H2 Hydrographic Surveyor Category B</i>	Australia	5 Jul - 4 Dis
5.	<i>Workshop 1st NOAA / GEBCO Chart Adequacy</i>	Silver Spring, Maryland, USA	14 - 16 Jul
6.	<i>Sea-Net Project III Training Course</i>	Tianjin, China	23 Ogos-19 Sep
7.	<i>Postgraduate Certificate in Ocean Bathymetry</i> penajaan oleh IHO/Nippon Foundation	New Hampshire, USA	24 Ogos 2015 -31 Ogos 2016
8	<i>Seabed Classification on Multibeam Survey</i>	Jakarta, Indonesia	5 - 9 Okt
9	<i>International Ocean Institute Training Programme on Ocean Governance - Policy, Law and Management</i>	Tianjin, China	26 Okt - 21 Nov
10.	<i>Workshop on the Latest Development of Surveying and Mapping Technologies and It's Application in Land Boundary Management</i>	Beijing dan Wuhan, China	15 Nov - 4 Dis
11.	<i>Tsunami Inundation Mapping Workshop</i>	JHOD, Jepun	25 - 27 Nov

KURSUS DI LUAR RALA/ ANJURAN PIHAK LAIN

Di samping kursus-kursus yang dilaksanakan mengikut RALA TLDM, terdapat juga kursus-kursus yang dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan juga tawaran daripada pihak penganjuran lain. Untuk tahun 2015, PHN berjaya melaksanakan beberapa kursus keperluan pegawai dan anggota berkepakaran hidrografi iaitu dalam pengendalian sistem CARIS dan juga beberapa tawaran kursus daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan daripada Syarikat Okenos Sdn Bhd.

Bil	Nama Kursus/ Latihan/ Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	CARIS HIPS SIPS Versi 9.0 dan Standard Operating Procedure (SOP) bagi Pemprosesan Pemerum Gema Berbilang Alur (PGBA)	KD PELANDOK	16 - 20 Mac
2.	CARIS <i>Bathy Data Base</i>	PHN	28 - 30 Apr
	Kursus Pemprosesan Data Pasang Surut dan Arus	KDP	8 - 12 Jun
3.	Kursus Asas Pegawai Meteorologi 2015/2016	JMM	1 Jun 2015 - 29 Apr 2016
4.	Kursus Asas Meteorologi bagi Jurulatih dan Pengawal Helikopter (PH)	PHN	27 - 31 Jul
5.	Pengendalian <i>Hypack Acquisition System</i>	Okenos Sdn. Bhd.	11 - 12 Nov
6.	CARIS <i>Law of the Sea (LOTS)</i>	Okenos Sdn. Bhd.	16 - 20 Nov

LATIHAN BULANAN SEKSYEN

Latihan bulanan seksyen merupakan SKT tahunan yang perlu dilakukan bagi setiap anggota PHN seperti mana juga di dalam TLDM. Selain kursus-kursus yang dinyatakan, setiap seksyen di PHN berperanan merancang dan melaksanakan latihan bulanan secara berkala kepada anggota masing-masing. Di samping meningkatkan kemahiran sedia ada dan penambahan ilmu secara berterusan, latihan ini juga bertujuan untuk memenuhi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 56 jam latihan kepada setiap anggota setahun. Berdasarkan rekod latihan dan juga kad skor individu, setiap anggota hidrografi telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan membawa kepada pencapaian 100% kepada kad skor unit.

PENGLIBATAN PEGAWAI DAN ANGGOTA PHN DALAM KURSUS



A



B



C



D



E

A - Kursus Pengendalian Sistem Maklumat Qimera Pro di Pusat Hidrografi Nasional

B - Kursus Lanjutan Oseanografi di Universiti Malaysia Terengganu

C - Kursus Asas Meteorologi bagi Jurulatih dan Pengawal Helikopter (PH) di Pusat Hidrografi Nasional

D - Kursus Pendidikan Spesialisasi Perwira (Dikspespa) Hidros Oseanografi Kategori B di Jakarta, Indonesia

E - H2 Hydrographic Surveyor Category B di Australia



F



I



G



J



H

F - Workshop 1st NOAA / GEBCO Chart Adequacy di Silver Spring, Maryland, USA

G - Tsunami Inundation Mapping Workshop di JHOD, Jepun

H - Kursus Seabed Classification on Multibeam Survey, Jakarta, Indonesia

I - Kursus Validasi ENC Antarabangsa di Wollongong, Australia

J - Training on Maritime Safety Information (MSI) di JHOD, Jepun


RANCANG DAN OPERASI

AKTIVITI PENGUKURAN HIDROGRAFI


Sepanjang tahun 2015, sebanyak 7 tugasan pengukuran telah dikeluarkan oleh PHN termasuk pengukuran kontrak yang dianugerahkan kepada *Marine Science Technology Sdn Bhd*. Pengukuran ini telah berjaya diselesaikan pada bulan Okt 15 dengan keluasan 20,000 km persegi. Kontrak pengukuran ini menggunakan kaedah pengukuran moden dan terkini iaitu sistem multibeam yang merupakan transformasi PHN bagi menghasilkan carta nautika dan carta elektronik melalui *source base*. Pengukuran hidrografi yang dilaksanakan oleh aset TLDM pula, adalah melibatkan KD MUTIARA, Bot Hidrografi 2 dan Tim Ukur Medan dengan 7 Arah Hidrografi dikeluarkan. Keseluruhan tugasan berjaya diselesaikan dengan jayanya.

Melalui konsep *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*, PHN telah menjalinkan kerjasama dengan *Tanjung Bin Power Plant* untuk tugas pengukuran di perairan Tanjung Pelepas, Johor. Aktiviti pengukuran hidrografi ini telah dilaksanakan secara bersama yang menguntungkan kedua-dua pihak. Melalui kerjasama ini, pengukuran hidrografi telah dilaksanakan oleh Tim Ukur Medan yang akan memberi tenaga pakar bagi bidang hidrografi. Konsep kerjasama sebegini diharap akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan diperluaskan lagi dengan penglibatan agensi lain yang mempunyai kepentingan di dalam bidang hidrografi. Ia diaplikasikan dengan amat baik dan amat diharapkan konsep kerjasama ini akan diteruskan dalam rancangan pengukuran akan datang.


KAWASAN PENGUKURAN DI PERAIRAN SEMANANJUNG MALAYSIA




Kawasan Pengukuran di Pangkalan TLDM Lumut



Kawasan Pengukuran di Sekitar Perairan Port Dickson




Kawasan Pengukuran di Utara Perairan Pulau Perak




Kawasan Pengukuran di Sekitar Tanjung Bin dan Pulau Merambong

Bil	Kawasan	Unit	AH	Catatan
1.	Pengukuran Lembangan TLDM Lumut	KD MUTIARA	1/15	Selesai
2.	Pengukuran di Sekitar Pelabuhan Port Dickson	KD MUTIARA	2/15	Selesai
3.	Pengukuran di Utara Perairan Pulau Perak	KD MUTIARA	4/15	Selesai
4.	Pengukuran di Sekitar Tanjung Bin dan Pulau Merambong, Johor	PHN	6/15	Selesai

KAWASAN PENGUKURAN DI PERAIRAN SABAH DAN SARAWAK




Kawasan Pengukuran di Sekitar Perairan Semporna



Kawasan Pengukuran di Kem Azumi, Semporna

Bil	Kawasan	Unit	AH	Catatan
1.	Pengukuran di Sekitar Perairan Semporna	Bot H2	3/15	Selesai
2.	Pengukuran di Kem Azumi Semporna	Bot H2	5/15	Selesai
PENGUKURAN KONTRAK 2015				
3.	Pengukuran Hidrografi di Barat Beting Patinggi Ali, Laut China Selatan	PHN	6/15	Selesai



Kawasan Pengukuran di Barat Beting Patinggi Ali

PRODUK DAN PUBLIKASI

PENERBITAN CARTA NAUTIKA DAN CARTA PANDU ARAH ELEKTRONIK

Pada tahun ini Seksyen Produk dan Publikasi berjaya menghasilkan 7 Carta Edisi Baru termasuk satu Carta Terhad dan 3 sel baru bagi Carta Pandu arah Elektronik. Senarai carta yang dihasilkan adalah seperti berikut:

SENARAI CARTA NAUTIKA EDISI BARU

1. MAL 6128 - Pelabuhan Johor.
2. MAL 6130 - Selat Johor Timur.
3. MAL 5425 - Sekitar Perairan Lumut.
4. MAL 5625 - Kuala Perlis.
5. MAL 5123 - Pelabuhan Tg Pelepas.
6. MAL 762 - Gugusan Beting Patinggi Ali.

Senarai Carta Nautika Carta Terhad

1. MAL 6123(T) - Perairan Batu Putih.

Senarai Carta Pandu arah Elektronik - Sel Baru

1. MY3C8715 - Pulau Banggi - Pulau Jambongan.
2. MY6B5123 - Pelabuhan Tanjung Pelepas.
3. MY3C0860 - Terumbu Segama - Pulau Ligitan



Proses Penghasilan Carta Pandu arah Elektronik

HASIL PENJUALAN *ELECTRONIC NAVIGATIONAL CHART (ENC)* BERAKHIR 31 DISEMBER 2015


Malaysia *Electronic Navigational Chart* (My ENC) yang dikeluarkan oleh PHN telah dipasarkan ke peringkat global melalui 5 agen yang dilantik. Sehingga Dis 15 sebanyak RM 2,078,231.12 berjaya dikutip (dimasukkan ke Perbendaharaan). Pecahan royalti yang diperolehi adalah seperti berikut:

Bil	Agen	Jumlah Jualan (RM)				Jumlah (RM)
		Penggal Pertama	Penggal Kedua	Penggal Ketiga	Penggal keempat	
1.	United Kingdom Hydrographic Office (UKHO)	450,153.43	528,503.26	656,714.25		1,635,370.94
2.	Japan Hydrographic Association (JHA)		350,963.06			350,963.06
3.	OKENOS Sdn Bhd		81,861.12			81,861.12
4.	BMT Global Sdn Bhd		10,036.00			10,036.00
Jumlah Keseluruhan						2,078,231.12

PENJUALAN CARTA NAUTIKA

Sebanyak 2552 Carta Nautika berjaya dijual sepanjang tahun 2015 dengan nilai sejumlah RM126,620.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,325 lembar dijual melalui agen manakala sebanyak 1,227 lembar dijual di kaunter jualan PHN. Statistik jualan seperti gambar rajah di bawah.

Statistik Jualan Carta Nautika Sepanjang Tahun 2015



PENERBITAN CARTA KHAS

Selain menerbitkan carta nautika dan ENC untuk tujuan pelayaran, PHN juga menerima permohonan daripada pelbagai unit ATM untuk menghasilkan carta-carta khas bagi tujuan operasi dan latihan. Senarai carta-carta khas yang diterbitkan sepanjang tahun 2015 seperti jadual di bawah.

Bil	Tarikh	Unit	Carta
1.	5 Jan	MAKS	Carta Khas Malaysia <i>Submarine Excercise Area</i>
2.	6 Jan	MTL - RAN	Carta LIMA Langkawi 2015
3.	16 Jan	APMM - MIRI	Carta Kawasan Gugusan Beting Patinggi Ali dan Pelantar Minyak Perairan Miri
4.	27 Jan	MAKS - AB(J7)	MAL 5 (MAL 8/15)
5.	27 Jan	MTL - OPEK	MAL 4508 (MAL7/15)
6.	6 Feb	MTAT	NAVEX
7.	19 Feb	PUSTAKMAR	Carta Olah Perang (<i>Multinational Counter Terrorism</i>)
8.	16 Mac	ESSCOM	Sektor Rondaan Maritim
9.	7 Apr	PUSTAKMAR	Carta Olah Perang (FDA 2011)
10.	15 Jun	JPM - Majlis Keselamatan Negara	Beting Pasir Perairan Sarawak
11.	18 Jun	Seksyen Meteorologi dan Oseanografi	Eksesais ANGSA 2011/ MAL4508
12.	30 Jul	MARKAS UDARA - LUMUT	Carta Malaysia/Carta Dunia (Image)
13.	12 Ogos	PUSTAKMAR/ KD JEBAT	Carta Olah Perang (FPDA 2011)
14.	19 Ogos	MPA	Carta Eksesais ANGSA 2011
15.	20 Ogos	MPA	Carta Eksesais ANGSA (2010)/ <i>Peace and Friendship</i>
16.	25 Ogos	MAKS-AB(J7)	Carta Eksesais JERUNG
17.	15 Sep	MAKS	Carta Laluan Kapal Selam
18.	23 Sep	MAKS	Carta Khas Asia Tenggara
19.	1 Okt	MPA	Carta Malaysia, FPDA dan RMN6236
20.	5 Okt	Sekolah Navigasi, KD PELANDOK	Carta MAL 5, MAL 6 dan Kawasan Pangkalan Lumut


Bil	Tarikh	Unit	Carta
21.	20 Okt	MTL - OPEK	Carta Khas Senarai Mengikut Surat
22.	05 Nov	TAN SRI THANA	Carta Dunia (JPEG)
23.	01 Dis	MAWILLA 3	MAL 8502, MAL 8503 (JPEG)
24.	02 Dis	MTL - RAN	Carta Terumbu dan MAL 6 EEZ

NOTIS PELAUT

Pada tahun 2015 PHN telah mengeluarkan sebanyak 13 Notis Pelaut termasuk 1 Notis Pelaut Tahunan di Perairan Malaysia. Notis Pelaut ini dikeluarkan untuk mengemaskinikan Carta MAL yang telah diterbitkan. Selain itu Notis Pelaut ini juga adalah untuk memaklumkan kepada komuniti maritim tentang maklumat-maklumat baharu berkaitan bahaya pelayaran. Notis Pelaut ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang www.hydro.gov.my

PERCETAKAN


Sepanjang tahun 2015 sebanyak 210 permohonan diterima untuk percetakan sama ada dalaman ataupun daripada unit luar. Produk yang dihasilkan terdiri dari pelbagai seperti *banner*, bunting, poster, buku, borang, carta, pamflet dan sebagainya. Berdasarkan jumlah tersebut didapati terdapat peningkatan sebanyak hampir 12.5% berbanding tahun 2014.



METEOROLOGI DAN OSEANOGRAFI

PENERBITAN BUKU JADUAL PASANG SURUT MALAYSIA 2016

Penerbitan Buku Jadual Pasang Surut Malaysia terdiri daripada 3 jilid iaitu Jilid 1 merangkumi Perairan Semenanjung Malaysia termasuk Singapura, Jilid 2 meliputi Sabah, Sarawak dan Brunei manakala Terhad untuk kegunaan ketenteraan. Ketiga-tiga jilid ini telah berjaya disiapkan mengikut jadual dan telah berjaya di edar serta dipasarkan pada pertengahan bulan Dis 15.




Proses Penghasilan Ramalan Air Pasang Surut

PENJUALAN JADUAL PASANG SURUT

Sebanyak 3,820 naskhah Jadual Pasang Surut Jilid 1 dan 2 berjaya dijual sepanjang tahun 2015 dengan nilai sebanyak RM64,910.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,298 naskhah dijual melalui agen manakala sebanyak 1,522 naskhah dijual di kaunter jualan PHN. Statistik jualan seperti di gambar rajah.

Pecahan Jualan Jadual Pasang Surut Sepanjang Tahun 2015



CERAPAN ARUS


Pada 7 hingga 9 Mac 2015, seksyen telah berjaya memasang 3 unit meter arus di Sekitar Perairan Porto Malai Langkawi. Tujuan pemasangan adalah untuk mendapatkan data arus di kawasan berkenaan untuk panduan kepada kapal-kapal semasa bersauh sempena *Fleet Review, Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2015 (LIMA 2015)*. Tim Pemasangan diketuai oleh Lt Kdr Azmi Rosedee TLDM dan disertai oleh 6 orang anggota dan turut dibantu KD JERAI dari Skuadron Ke 26 Kapal Penangkis Periuk Api.



Proses Pemasangan Meter Arus



Meter Arus yang digunakan



Lokasi Pemasangan Meter Arus (A,B dan C)

MAKLUMAT RAMALAN CUACA DAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

Sepanjang tahun 2015 Seksyen Meteorologi dan Oseanografi telah menghasilkan Maklumat Meteorologi serta Maklumat Alam Sekitar untuk tujuan operasi kepada aset-aset TLDM. Maklumat meteorologi dan alam sekitar yang berjaya dihasilkan ialah:

Ramalan Cuaca Harian Pangkalan - Pangkalan TLDM. Maklumat Ramalan Cuaca dikemas kini setiap hari sebelum jam 0900H dan disampaikan menggunakan Sistem TLDMNet

Buku Maklumat Alam Sekitar 1/15. Untuk Penembakan Torpedo Black Shark Konfigurasi Latihan

Buku Maklumat Alam Sekitar 2/15. *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition*

Buku Maklumat Alam Sekitar 3/15. Untuk Penembakan Torpedo Black Shark Konfigurasi Latihan

Buku Maklumat Alam Sekitar 4/15. OP Pejarak






Buku Maklumat Alam Sekitar 5/15. OP Pejarak

Buku Maklumat Alam Sekitar 6/15. *North of Malacca Straits & North of South China Sea*

Buku Maklumat Alam Sekitar 7/15. Operasi TLDM

Buku Maklumat Alam sekitar 8/15. Operasi TLDM


Maklumat meteorologi dan oseanografi harian melalui Twitter rasmi PHN




MAKLUMAT METEOROLOGI DAN OSEANOGRAFI HARIAN MELALUI TWITTER RASMI PHN

PHN ialah organisasi yang bertanggungjawab dalam menyalurkan maklumat Meteorologi dan Oseanografi (METOC) bagi kegunaan serta aplikasi operasi aset TLDM. Sejalan dengan perkembangan teknologi media seperti Facebook, Twitter dan Instagram yang dijadikan medium komunikasi serta penyaluran maklumat pada masa kini, PHN telah mengambil inisiatif dan langkah proaktif dengan menyalurkan maklumat METOC melalui laman sosial Twitter PHN dalam mengkomersialkan lagi PHN sebagai penguasa hidrografi negara.


Penyaluran maklumat METOC disiarkan laman sosial Twitter PHN iaitu @NatHydroCentre harian merangkumi ramalan METOC dan impak terhadap operasi TLDM. Ianya merupakan rujukan dan panduan bagi semua Markas Operasi serta kapal-kapal TLDM. Maklumat ini merupakan tambahan kepada kawat cuaca harian yang dikeluarkan oleh Markas Pemerintahan Armada (MkPA) dan ianya lebih interaktif serta merangkumi aspek pengoperasian. Maklumat METOC dikeluarkan setiap hari sebelum jam 0800H dengan tempoh sah ramalan selama 24 jam. Manakala maklumat METOC terkini seperti cuaca ekstrem akan dikemaskini oleh PHN dari masa ke semasa bagi membantu pengoperasian TLDM secara lebih efektif dan efisien.



Contoh Twitter Laporan Cuaca Harian



Contoh Twitter Sekiranya Berlaku Ribut dan Gempa Bumi



Backdrop:
KD PERANTAU



KD PERANTAU

Sepanjang tahun 2015, tiada penugasan khusus untuk melaksanakan pengukuran hidrografi bagi KD PERANTAU memandangkan kapal sedang menjalani Rutin Pasang Pulih Restorasi bermula dari 10 Nov 14 di Limbungan *Boustead Naval Shipyard* Sdn Bhd, Lumut, Perak dan dijangka siap sepenuhnya pada 1 Feb 15. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pegawai dan anggota kapal berkepakaran hidrografi dapat meningkatkan pengetahuan sedia ada, melatih anggota baru serta penyediaan warga kapal untuk fasa Latihan Penyesuaian Laut selepas kapal selesai menjalani Rutin Pasang Pulih, pihak kapal telah merancang dan seterusnya melaksanakan latihan dalaman agar pegawai dan anggota berkepakaran hidrografi sentiasa berada pada tahap kesiagaan yang dikehendaki.

Pelaksanaan latihan yang dilaksanakan merangkumi dua aspek iaitu pembelajaran teori di dalam kelas dan latihan praktikal di lapangan setiap bulan. Pelaksanaan latihan ini dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai dan bintara Jabatan Hidrografi KD PERANTAU. Bagi memastikan pemahaman menyeluruh dapat dicapai, pendedahan melalui teori dilaksanakan terlebih dahulu sebelum latihan di lapangan dibuat. Sepanjang tahun 2015, KD PERANTAU merekodkan sebanyak 14 jenis modul latihan yang berjaya dilaksanakan. Senarai modul latihan yang berjaya dilaksanakan adalah seperti di Jadual 1.

Pihak kapal telah mengkoordinasi latihan menyeluruh melalui penggabungan semua modul latihan dengan melaksanakan pengukuran batimetri di sekitar perairan Jeti Peluru, Lumut pada bulan Jun 15 selama seminggu. Pengukuran ini telah diketuai oleh Bintara Hidrografi sebagai *Officer In Charge* bertujuan untuk melatih bintara serta staf hidrografi merancang serta melaksanakan pengukuran hidrografi sehingga menghasilkan lembar asas.


Selain latihan dalaman yang dilaksanakan, anggota kepakaran hidrografi KD PERANTAU juga turut mengikuti kursus anjuran PHN. Kursus-kursus yang dihadiri ini telah meningkatkan pengetahuan serta kecekapan anggota dalam bidang masing-masing.

Siri	Modul	Kekerapan
1.	Pengoperasian total station dan level	3
2.	Pengelasan	3
3.	Geodetik	1
4.	Penggarisan pantai	1
5.	Pengoperasian current meter	1
6.	Pengoperasian Side Scan Sonar	1
7.	Pengoperasian SVP	2
8.	Pemasangan tolak pasang surut	3
9.	Pengumpulan sampel dasar laut	1
10.	Pemprosesan data pasang surut dan arus	1
11.	Pengoperasian pemerum gema alur tunggal	1
12.	Pemprosesan data batimetri menggunakan perisian CARIS HIPS SIPS	4
13.	Pemprosesan data batimetri menggunakan perisian QINSY	1
14.	Pengukuran hidrografi	1

Jadual 1: Modul Latihan Pegawai dan Anggota KD PERANTAU Sepanjang Tahun 2015



Latihan Praktikal Pemasangan Pancang dan Tolak Pasang Surut serta Pengelasan



Latihan Praktikal Pengukuran





Kelas Pemprosesan Data Menggunakan Caris HIPS & SIPS



PENGUKURAN DI LEMBANGAN TLDM LUMUT (AH 01/2015)

Pada awal tahun 2015 kapal telah ditugaskan untuk melakukan pengukuran di sekitar Lembangan TLDM Lumut sesuai AH 01/15 untuk mendapatkan data terkini dan mengenal pasti perubahan batimetri bagi mengemaskini carta MAL 5416. Kawasan pengukuran merupakan kawasan berlabuh bagi kapal-kapal TLDM merangkumi kawasan Jeti Operasi dan Jeti Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd (BNSSB). Pengukuran ini telah dilaksanakan bermula pada 26 Jan sehingga 4 Feb 15. Pengukuran mengambil masa selama 10 hari dan berjaya mencapai spesifikasi pengukuran *Order 1a*.

Pengukuran ini telah dilaksanakan dengan menggunakan dua Bot Ukur Mike 1 dan Mike 3 yang dilengkapi dengan sistem Pemerum Gema Alur Tunggal (PGAT) jenis Kongsberg EA 400SP. Secara amnya, data yang diperolehi menunjukkan tiada perbezaan ketara dari segi kedalaman dan permukaan dasar laut yang diperolehi berbanding data batimetri pada carta MAL 5416 dan pengukuran AH12/2013 yang lepas.




PENGUKURAN DI SEKITAR PELABUHAN PORT DICKSON (AH 02/2015)


KD MUTIARA telah ditugaskan oleh PHN untuk melaksanakan pengukuran hidrografi AH 02/2015 di sekitar perairan Port Dickson. Objektif pengukuran adalah untuk mendapatkan data batimetri beresolusi tinggi untuk mengenal pasti perubahan batimetri bagi mengemas kini carta MAL 532, MAL 5239 serta menghasilkan ENC yang terkini.

Kawasan pengukuran terletak 1.6km barat laut dari bandar Port Dickson. Luas kawasan pengukuran ialah 41km persegi dan ianya merupakan kawasan laluan utama bagi kapal kargo, kapal minyak petroleum, tongkang arang batu dan feri penumpang.

Pengukuran dilaksanakan dengan menggunakan bot SRI PERKASA 81 yang dilengkapi dengan Sistem Multibeam Reson SeaBat T20P. Pengukuran telah bermula pada 18 Mei sehingga 2 Jun 15.




Had Kawasan Pengukuran



Base Surface Kawasan Pengukuran


PENGUKURAN DI UTARA PULAU PERAK (AH04/2015)

Sesuai dengan AH 04/15, kapal telah berjaya melaksanakan pengukuran di utara Pulau Perak bermula 9 September 2015 bagi mengumpul maklumat batimetri terkini untuk memenuhi keperluan PHN dalam proses untuk menaik taraf *Category Zone of Confidence* (CATZOC) yang meliputi kawasan perairan Pulau Perak serta mengemas kini data untuk carta MAL 565. Kawasan pengukuran seluas 1994.3 km persegi terletak berhampiran sempadan negara Malaysia, Thailand dan Indonesia. Pengukuran ini menggunakan sistem *Multibeam* Kongsberg EM302 di mana seluas 893.3685 km persegi telah berjaya diukur. Angka ini mewakili 44.8% dari keseluruhan kawasan pengukuran.



PENCAPAIAN OPERASI

Bagi tahun 2015, kapal telah beroperasi selama 40 hari di laut, dan bertambat di pelabuhan selama 235 hari. Kapal turut bertambat di Limbungan *Boustead Naval Shipyard* Sdn. Bhd (BNSSB) selama 59 hari. Tempoh pengoperasian kapal di laut tidak mencapai tahap yang ditetapkan oleh Markas Pemerintahan Armada iaitu 130 hari setahun. Ini disebabkan masalah kerosakan sistem CPP sejak penghujung tahun 2014 sehingga 31 Ogos 2015. Sepanjang tempoh 40 hari beroperasi di laut, kapal telah berjaya melaksanakan 3 pengukuran; 1 dengan kapal dan 2 pengukuran menggunakan platform bot.



Graf Perbandingan Hari Beroperasi dari Tahun 2012 hingga 2015



Wisma Laskar


Backdrop:
KD MUTIARA



PEJABAT HIDROGRAFI SERANTAU KD SRI SANDAKAN

PENGUKURAN PERAIRAN SEMPORNA

PHS telah melaksanakan pengukuran sekitar perairan Semporna pada 24 Mei 15 sehingga 15 Jun 15 untuk mengumpul maklumat batimetri bagi mengemas kini Carta MAL 8433. Pengukuran dilaksanakan menggunakan platform bot ukur yang disewa. Pengukuran ini telah berjaya dan memenuhi piawaian *Order 1b* seperti yang digariskan dalam SP 44 5th Edition - *International Hydrographic Organisation* (IHO).




Hasil Pengukuran *Multibeam* di Perairan Semporna



Pengukuran di Jeti APMM Sandakan


Pengukuran telah dilaksanakan dari 20 hingga 23 Jun 2015 bertujuan untuk mendapatkan data batimetri terkini bagi kawasan jeti operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kawasan pengukuran merangkumi laluan keluar masuk ke jeti tersebut. Pengukuran dilaksanakan sepenuhnya oleh Bot Hidrografi 2 dan memenuhi piawaian *Order 1b* yang telah digariskan dalam SP 44 5th Edition - *International Hydrographic Organisation* (IHO). Pengukuran ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik hasil kerjasama penuh dari pihak PHN, KDSS dan APMM.



Hasil Pengukuran *Multibeam* di Jeti APMM Sandakan

PENGUKURAN DI SEKITAR KEM AZUMI, KAMPUNG TAGASAN, SEMPORNA

PHS telah melaksanakan pengukuran sekitar Kem Azumi, Kampung Tagasan, Semporna dari 19 sehingga 22 November 2015 bagi mengumpul maklumat data batimetri. Pada amnya, tugas pengukuran ini telah berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Tujuan pengukuran adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai data batimetri bagi pembinaan Jeti Kem Azumi yang baru.



SEKOLAH PENGAJIAN HIDROGRAFI (SPH)

PELAKSANAAN KURSUS SPH SEPANJANG TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 6 kursus kerjaya bagi anggota Lain-Lain Pangkat tred hidrografi telah dan sedang dilaksanakan. Kursus yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Siri Kursus	Aktiviti/ Kursus	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Bilangan Pelatih	Pengambilan
1.	C003-0056	Penyelia HDI	5 Jan 15	14 Jun 15	15	178,182,185, 187 &189
2.	C003-0055	PNG HDI Kelas II	9 Mac 15	10 Ogos 15	15	208
3.	C003-0059	HDI Kelas II	15 Jun15	18 Okt 15	10	211
4.	C003-0058	PNG HDI Kelas I	15 Jun15	11 Okt 15	13	202 & 205
5.	C003-0055	PNG HDI Kelas II	24 Ogos 15	25 Jun 16	9	209
6.	C003-0057	HDI Kelas I	19 Okt 15	20 Mac 16	10	211



Sesi Lawatan Sambil Belajar ke Jabatan Mineral dan Geosains di Ipoh

LATIHAN PENGENDALIAN PERALATAN PENGUKURAN BAGI PELATIH KURSUS PENINGKATAN HIDROGRAFI KELAS II

SPH telah mengadakan latihan ini pada sebelah petang bagi pelatih Kursus PNG HDI Kelas II mulai 27 hingga 31 Julai 2015 bertempat di persekitaran Rumah Bot. Latihan ini dilaksanakan tiga hari setiap minggu iaitu pada hari Isnin, Selasa dan Khamis jam 1600H hingga 1800H.

Latihan ini berkonsepkan pengenalan dan kemahiran pengendalian peralatan kepada pelatih. Hanya melibatkan jurulatih dan pelatih mengikut jadual yang telah disediakan.



Latihan Pratik Mengendali Peralatan Ukur

PERBARISAN MINGGUAN KETUA FAKULTI PELAUT

Perbarisan ini berlangsung selama 1 jam bermula pada jam 0700H hingga 0800H setiap minggu. Objektif perbarisan adalah untuk memastikan pakaian pelatih sentiasa berada dalam keadaan kemas, segar dan berketerampilan mengikut piawaian TLDM. Di samping itu ianya juga bertujuan untuk memastikan pelatih mahir dalam berkawad, meningkatkan sikap kerjasama antara pelatih dan melahirkan sifat kepimpinan di kalangan warga TLDM.



Perbarisan Mingguan Ketua Fakulti Pelaut

PERBARISAN PENGUNDURAN PANGlima TENTERA LAUT

SPH juga terlibat secara langsung dalam Perbarisan pengunduran Tentera Laut ke 15, Laksamana Tan Sri Dato Sri (Dr) Abdul Aziz bin Hj Jaafar pada 17 November 2015 bertempat di Padang Kawad KD Pelandok.



Perbarisan Pengunduran YBhg Panglima Tentera Laut

AKTIVITI SOKONGAN

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

SPH telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Kejuruteraan Perkapalan Politeknik Ungku Omar dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) di Ipoh pada 2 Disember 2015. Seramai 30 anggota terdiri daripada seorang pegawai, 10 orang jurulatih/staf dan 19 pelatih terlibat dalam lawatan ini.

Objektif lawatan ini ialah:

- Memberi pendedahan kepada pelatih dan anggota hidrografi yang terlibat mengenai kewujudan agensi luar selain PHN yang terlibat di dalam kerja-kerja pengukuran dan pemetaan.
- Memberi pendedahan tentang tugas dan fungsi serta tanggungjawab sesebuah organisasi atau jabatan yang dilawati.
- Memenuhi syarat dan sepertimana yang termaktub di dalam Manual Latihan TLDM.

Secara keseluruhannya, lawatan tersebut telah berjaya mencapai objektif yang telah disasarkan.



Lawatan Sambil Belajar di Politeknik Ungku Omar

AUDIT PEMANTAUAN DALAMAN ISO 9001:2008

SPH telah terlibat dengan Audit Pemantauan ISO 9001:2008 bagi sistem latihan yang dilaksanakan pada 19 hingga 23 Oktober 2015 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM).

Sebelum audit tersebut dilakukan, satu sesi ceramah/taklimat kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 telah diadakan pada 19 Oktober 2015 bertempat di Auditorium KDP sebagai persiapan untuk menghadapi audit pemantauan yang sebenar pada 20 hingga 23 Oktober 2015. Penglibatan adalah kepada semua pegawai, jurulatih dan staf.

AUDIT PEMANTAUAN 5S

SPH akan terlibat dengan Audit Pemantauan 5S yang dijangka pada bulan Feb 16 oleh pihak *Malaysia Productivity Corporation* (MPC).

Sebelum audit pemantauan tersebut dilakukan, Jawatankuasa Audit 5S KDP telah melaksanakan audit dalaman pada 7 hingga 9 Oktober 2015. Hasil daripada audit tersebut didapati, SPH telah berjaya mengekalkan amalan 5S dengan baik dan bersedia untuk audit sebenar pada tahun hadapan.

LATIHAN PERTAHANAN PANGKALAN

SPH telah terlibat dengan latihan pertahanan pangkalan pada 23 hingga 25 Oktober 15. Latihan ini merangkumi semua unit yang berada di dalam Pangkalan TLDM Lumut. Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota ketika mempertahankan pangkalan.

LATIHAN WALL CLIMBING


Latihan ini dilakukan pada setiap hari Selasa minggu pertama setiap bulan yang bermula pada jam 1600H hingga 1800H bertempat di Dewan Senaman KDP. Latihan tersebut telah dikoordinasi oleh jurulatih jasmani KDP.

Tujuan latihan untuk menambahkan kekuatan fizikal dan mental pelatih dan juga memupuk semangat kerja berpasukan yang kuat di antara pelatih-pelatih.

PERBINCANGAN BERSAMA *UNITED KINGDOM HYDROGRAPHIC OFFICE* (UKHO)

8th MALACCA AND SINGAPORE STRAITS ELECTRONIC NAVIGATIONAL CHARTS (MSS ENC) STEERING COMMITTEE

- | Laporan Jualan Tahunan MSS ENC pada tahun 2014
- | Analisis statistik Jualan MSS ENC
- | Maklum balas mengenai *Pay As You Sail* (PAYS)
- | Permintaan Kadar diskaun oleh JEEPERSEN untuk kegunaan pendidikan dalam teknologi marin.



MESYUARAT KUMPULAN KERJA KAJIAN DAN PERMODELAN IMPAK TSUNAMI

Satu mesyuarat untuk membincangkan perkongsian data batimetri yang berada dalam pegangan PHN untuk diguna pakai dalam Projek *Developing Tsunami Inundation Models and Indudation Maps for Malaysia* atau TUNA telah diadakan di Bilik Mesyuarat Batimetri pada 30 Mac 2015 dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Hidrografi sendiri.

Mesyuarat kali ini dihadiri oleh ahli kumpulan kerja tersebut antaranya dari Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Direktorat Oseanografi Kebangsaan, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Sains Malaysia, dan Pusat Hidrografi Nasional.



Ketua Pengarah Hidrografi sedang mempengerusikan mesyuarat

MESYUARAT KE-12 KUMPULAN KERJA NAMA PULAU DAN ENTITI GEOGRAFI

Mesyuarat ke-12 Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi telah diadakan pada 15 Mei 2015 dan buat julung-julung kali diadakan di Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Blok Bendahari, Seri Negeri, Melaka dan dihadiri oleh kesemua 20 ahli Kumpulan Kerja. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaa'im bin Hasan, Pengerusi KKNPEG. Beliau juga berkesempatan membuat kunjungan hormat ke atas SUK Melaka, YBhg Datuk Wira Hj Naim bin Abu Bakar di pejabat beliau.

Mesyuarat kali ini antaranya membincangkan permasalahan negeri Sabah dan Kedah dalam mengenal pasti entiti bawah air di mana Pengerusi mencadangkan agar penggunaan platform TLDM dalam membantu pengesahan entiti tersebut. Di samping membincangkan keperluan memasukkan data pulau-pulau yang terdapat di dalam tasik dan sungai sebagai contoh pulau di dalam Tasik Banding dan Tasik Kenyir.



Ahli Mesyuarat Bersama SUK Negeri Melaka



Kunjungan Hormat ke atas YBhg Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar



Mesyuarat Jawatankuasa Hidrografi Negara (MJHN) Ke-22 ini telah berlangsung di Wisma Perwira ATM Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh YBhg Ketua Pengarah Hidrografi, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim bin Hasan dan disertai oleh 30 perwakilan dari pelbagai agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan yang mempunyai kepentingan di dalam bidang hidrografi. Fokus mesyuarat pada kali ini turut membincangkan perkara-perkara berbangkit daripada mesyuarat yang lepas dan isu-isu baru yang dibangkitkan oleh ahli JHN.



Antara Ahli-Ahli yang hadir semasa Mesyuarat Ke-22 JHN

MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL BAGI KATEGORI HIDROGRAFI

Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial bagi Kategori Hidrografi Bilangan 1/2015 telah diadakan pada 11 Sep 2015 di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Sabah. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Lt Kdr Mohd Shukri bin Mohamad Ya'akob TLDM, Pegawai Staf Carta Elektronik PHN.

PHN merupakan agensi tunjak bagi kategori hidrografi dan mesyuarat ini diadakan bagi tujuan penyelarasan, pengemaskinian dan mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembangunan serta perkongsian data geospasial di kalangan agensi-agensi pembekal data bagi Kategori Hidrografi. Selain sesi pembentangan dan penyerahan data oleh agensi yang terlibat, mesyuarat kali ini memberi fokus terhadap perbincangan mengenai pemilihan *Possible Attribute* bagi setiap *Fitur Fundamental* bagi Kategori Hidrografi untuk tujuan perkongsian *Government to Public* merujuk kepada dokumen MS 1759:2014.

Sebanyak 12 agensi kerajaan telah hadir pada mesyuarat yang berlangsung selama 2 hari ini dan menunjukkan satu petanda yang positif. Pengerusi juga melahirkan rasa syukur di atas komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh agensi dalam menjayakan Program Nasional bagi membangunkan *Malaysian Geospatial Data Infrastructure (MyGDI)* bagi tujuan perkongsian data geospasial antara agensi-agensi pembekal data dan pengguna. Dengan kejayaan Program Nasional ini ianya dapat membantu dan menggalakkan agensi-agensi untuk sama-sama menjayakan usaha Negara dalam membangunkan MyGDI.



Lt Kdr Mohd Shukri bin Mohamad Ya'akob TLDM sedang mempengerusikan mesyuarat


MESYUARAT KE-5 JAWATANKUASA PENILAIAN KOMPETENSI JURUUKUR HIDROGRAFI (JPKJH)

Mesyuarat Ke-5 Jawatankuasa Penilaian Kompetensi Juruukur Hidrografi (JPKJH) yang telah diadakan pada 15 Sep 15 bertempat di PHN. Mesyuarat yang dipengerusikan Ketua Pengarah Hidrografi ini melibatkan agensi awam dan swasta termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menganggotai JPKJH. JPKJH merupakan satu jawatankuasa yang bertindak sebagai badan yang memantau dan menilai kompetensi juruukur hidrografi melalui ahli lembaga yang dilantik. Penubuhan ini dibuat sebagai mekanisme interim kepada penubuhan Lembaga Hidrografi yang dicadangkan di dalam konsep pengwujudan Rang Undang-Undang Hidrografi Negara (RUUHN) yang diusahakan oleh PHN.

Mesyuarat kali ini membincangkan mengenai komposisi baru ahli lembaga dan juga Garis Panduan Penilaian Kompetensi Juruukur Hidrografi (GPPKJH). Semakan semula GPPKJH merujuk kepada *Guidelines for Implementation of Competence for Hydrographic Surveyors First Edition June 2015* yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organization (IHO)*. Selain itu, mesyuarat juga turut membincangkan mengenai penubuhan Pertubuhan Juruukur Hidrografi Malaysia yang merupakan agenda bagi perancangan hadapan jawatankuasa ini. Penubuhan pertubuhan ini bertujuan mengumpul semua pengamal hidrografi di bawah satu bumbung dan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang ini secara lebih menyeluruh. Di akhir mesyuarat, Pengerusi memaklumkan PHN selaku sekretariat jawatankuasa ini sedang berusaha sebaik mungkin bagi memperolehi kuasa/mandat daripada Jemaah Menteri untuk Jawatankuasa Hidrografi Negara (JHN) beroperasi berterusan.



Ahli Mesyuarat bersama Ketua Pengarah Hidrografi



3D Tanjung Labian, Sabah



GENERAL BATHYMETRIC CHART OF THE OCEANS (GEBCO) HARI SAINS BATIMETRI

Malaysia melalui TLDM dengan kerjasama PETRONAS telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Sambutan Hari Sains Batimetri (HSB) 2015 pada 5 Oktober 2015. Acara yang julung kalinya diadakan di rantau Asia ini telah dilaksanakan di *Kuala Lumpur Convention Center (KLCC)* dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Wira Mohd Johari Baharum. Turut hadir dalam acara bersejarah ini adalah Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin, Ketua Pengarah Hidrografi, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan, Naib Canselor UMT, Prof Dato Dr Nor Aieni Bt Hj Mokhtar, Pengerusi GEBCO, Laksamana Madya (Bersara) Shin Tani dari Jepun dan Senior General Manager PETRONAS Carigali Sdn Bhd Encik Idris Ibrahim. Sambutan HSB 2015 pada kali ini dihadiri oleh lebih 40 delegasi GEBCO dari 21 buah negara, 58 delegasi dari agensi kerajaan dan universiti serta 70 orang pegawai dan anggota dari Pusat Hidrografi Nasional.



Ucapan Perasmian oleh Timbalan Menteri Pertahanan



Peserta dibawa melawat Menara Berkembar PETRONAS

Sambutan HSB merupakan acara tahunan yang diadakan seiring dengan Mesyuarat Tahunan *General Bathymetric Chart of the Oceans* atau lebih dikenali sebagai GEBCO. GEBCO merupakan suatu badan yang bernaung di bawah gabungan *International Hydrographic Organization (IHO)* dan *Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC)*. GEBCO dianggotai oleh para saintis dan jurukur hidrografi seluruh dunia sama ada secara lantikan ataupun sukarela. Sebanyak 15 pembentangan penyelidikan berkaitan batimetri dan pameran poster oleh para delegasi GEBCO, agensi kerajaan dan universiti tempatan sempena Sambutan HSB 2015.

Penglibatan Malaysia dalam GEBCO secara tidak langsung telah membuka ruang kepada TLDM amnya dan PHN khususnya untuk mengakses pangkalan data batimetri bagi kepentingan negara. Ianya juga merupakan pendekatan yang diambil dalam memperkukuhkan kerjasama hidrografi dunia terutama dalam berkongsi pengetahuan, teknologi dan kepakaran dengan lebih komprehensif serta memartabatkan PHN sebagai Penguasa Hidrografi di Malaysia.

THE JOINT MEETING OF THE TECHNICAL SUB-COMMITTEE ON OCEAN MAPPING (TSCOM) & THE SUB-COMMITTEE ON REGIONAL UNDERSEA MAPPING (SCRUM)

TSCOM dan SCRUM merupakan jawatankuasa kecil yang bernaung di bawah badan *General Bathymetric Chart of the Oceans* atau GEBCO. Mesyuarat ini telah dilaksanakan di Hotel Royale Chulan pada 6 Oktober 2015 dan melibatkan 43 delegasi GEBCO dari 21 negara termasuk 4 wakil dari PHN Kepten Norhizam Hassan @ Abd Ghani TLDM, Pengarah Pencartaan dan juga ahli jawatankuasa *International Hydrographic Organization* (IHO), Lt Kdr Lim Sui Huing TLDM dan Lt Kdr Ramli Mohd TLDM, masing-masing dari alumni GEBCO. Jawatankuasa tertinggi GEBCO juga telah menjemput khas Ketua Pengarah Hidrografi, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaa'im Hasan dalam memberikan ucapan aluan dan seterusnya merasmikan mesyuarat ini.



Ucapan Aluan dan Perasmian oleh Ketua Pengarah Hidrografi

JAWATANKUASA KERJA CROWD SOURCE BATHYMETRY (CSB)

Semasa GEBCO 2015, TLDM melalui PHN juga telah diberi kepercayaan dalam menganjurkan mesyuarat yang julung kalinya diadakan bagi Jawatankuasa Kerja *Crowd Source Bathymetry* (CSB) bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Inisiatif CSB telah diperkenalkan di Monaco semasa Mesyuarat ke-7, *Extraordinary International Hydrographic Conference* dan *Inter-Regional Coordinating Committee* (IRCC). Penubuhan Jawatankuasa Kerja CSB bertujuan untuk mengkaji kaedah yang terbaik dalam menggabungkan, mengurus dan menjalinkan kerjasama menggunakan data batimetri yang diperoleh secara sukarela serta membangunkan garis panduan yang dapat memberi manfaat kepada semua komuniti maritim yang terlibat.

Jawatankuasa Kerja CSB juga merupakan platform dalam menggubal pembangunan aplikasi bagi tujuan selain daripada navigasi untuk kegunaan komuniti maritim antarabangsa khususnya eksplorasi dan eksploitasi, pengurusan sumber laut serta pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran lautan.



Taklimat oleh Cik Lisa Taylor selaku Pengerusi CSB


MESYUARAT KE-32 GENERAL BATHYMETRIC CHART OF THE OCEANS (GEBCO) GUIDING COMMITTEE (GGC)

Mesyuarat Ke-32 *General Bathymetric Chart of the Oceans* (GEBCO) *Guiding Committee* (GGC) yang diadakan di Hotel Royale Chulan merupakan acara kemuncak Program GEBCO 2015 di Kuala Lumpur.

GGC merupakan jawatankuasa tertinggi GEBCO dianggotai 15 ahli tetap secara lantikan. Mereka terdiri daripada 10 wakil daripada IHO dan 5 wakil daripada IOC yang dilantik setiap penggal bagi tempoh 5 tahun dan 5 ahli *ex-officio*. Turut membanggakan Malaysia ialah pelantikan Kepten Norhizam bin Hassan @ Abd Ghani TLDM (Pengarah Pencartaan, PHN) oleh IHO sebagai ahli GGC bagi penggal 2015 sehingga 2020. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan antarabangsa kepada TLDM khususnya dan Malaysia amnya.



Pengarah *International Hydrographic Bureau*, RAdm (RTD) Mustafa Iptes semasa mesyuarat GGC



Data 3D Perairan Beting Raja Jarom
EA 400 Multibeam dan Navisound 215 Single Beam Echo Sounder

12th EAST ASIA HYDROGRAPHIC COMMISSION (EAHC) CONFERENCE

Persidangan ini telah diadakan di Manila pada 13 hingga 15 Okt, ianya dihadiri oleh 54 orang delegasi daripada negara yang menganggotai EAHC dan juga negara pemerhati seperti USA, United Kingdom dan Australia. Persidangan EAHC yang diadakan pada setiap 3 tahun sekali ini turut dihadiri oleh En. Robert Ward iaitu Presiden IHO. Objektif persidangan pada kali ini adalah untuk negara-negara ahli berkumpul bagi merangka polisi, strategi dan aktiviti kerjasama serantau di dalam meningkatkan keupayaan hidrografi dan pencartaan agar keselamatan pelayaran di rantau Asia Timur terjamin.

Delegasi Malaysia yang turut mengiringi Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan pada persidangan ini adalah Lt Kdr Mohammad Shaiful bin Suhaimi TLDM dan Lt Hui Juin Hung TLDM. Pelantikan Ketua Pengarah Hidrografi Malaysia sebagai Pengerusi EAHC ini merupakan satu tanggungjawab dan kepercayaan negara ahli terhadap Malaysia khususnya dan TLDM amnya dalam membawa jawatankuasa mencapai matlamat penubuhannya.



Ketua Pengarah bersama wakil PHN semasa mesyuarat



Delegasi pada Persidangan Ke 12 East Asia Hydrographic Commission


PELANTIKAN KETUA PENGARAH HIDROGRAFI MALAYSIA SEBAGAI PENGURUSI *EAST ASIA HYDROGRAPHIC COMMISSION*



Penyerahan bendera EAHC sebagai simbolik kepada pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi EAHC



EAST ASIA HYDROGRAPHIC COMMISSION



Tarikh keramat 15 Oktober 2015, Malaysia telah dipilih untuk menerajui *East Asia Hydrographic Commission* (EAHC) bagi penggal 2015 hingga 2018 melalui pelantikan Ketua Pengarah Hidrografi iaitu Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim bin Hasan sebagai Pengerusi EAHC yang baru. Beliau menggantikan *Commodore* Jacinto M. Cablayan dari Filipina yang memegang jawatan tersebut bagi penggal 2012 hingga 2015. EAHC merupakan badan yang diwujudkan untuk meningkatkan kerjasama hidrografi serantau di kalangan negara anggota *International Hydrographic Organisation* (IHO) di rantau Asia Timur. Suruhanjaya ini dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, China, Filipina, Singapura, Thailand, Korea Utara,



Ketua Pengarah Hidrografi bersama delegasi semasa Persidangan Ke-12 *East Asia Hydrographic Commission*

Korea Selatan dan Jepun. Manakala Brunei dan Vietnam masih berstatus negara dalam permohonan untuk menganggotai EAHC walaupun telah menyertai IHO.

Majlis penyerahan jawatan Pengerusi EAHC telah berlangsung di Hotel Diamond, Manila semasa Persidangan Ke-12 EAHC pada 13 hingga 15 Okt 15. Persidangan ini telah dihadiri oleh 54 orang delegasi daripada negara yang menganggotai EAHC dan juga negara pemerhati seperti USA, United Kingdom dan Australia. Persidangan EAHC yang diadakan pada setiap 3 tahun sekali ini turut dihadiri oleh En. Robert Ward iaitu Presiden IHO.



Ucapan ulung Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim bin Hasan, Ketua Pengarah Hidrografi selaku Pengerusi EAHC

MESYUARAT KE-8 JAWATANKUASA KERJA PELAKSANAAN PERKONGSIAN MAKLUMAT OBJEK BAWAH AIR (JKPPMOBA)

Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perkongsian Matlumat Objek Bawah Air (JKPPMOBA) telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Batimetri, Pusat Hidrografi Nasional pada 22 Oktober 2015. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Kept Norhizam bin Hassan TLDM dan disertai oleh 16 wakil daripada 12 agensi yang terlibat.

Mesyuarat kali ini membincangkan isu-isu berkenaan dengan pertindihan kawasan perlindungan yang diwartakan oleh agensi-agensi, laporan pengukuran bagi aktiviti-aktiviti pemasangan kabel dan paip bawah air dan juga perkembangan aktiviti-aktiviti oseanografi dan maritim.



Ahli mesyuarat bersama Pengarah Pencartaan

MESYUARAT KE-13 KUMPULAN KERJA NAMA PULAU DAN ENTITI GEOGRAFI (KKNPEG)

Mesyuarat ke-13 Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi telah julung-julung kali diadakan di Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Bangunan Dato Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Johor, pada 5 November 2015 telah dihadiri oleh 18 daripada 21 ahli Kumpulan Kerja. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaa'im bin Hasan, Pengerusi KKNPEG. Sebelum mesyuarat dilaksanakan pengerusi berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada SUK Johor YBhg Dato' Haji Ismail bin Karim di pejabat beliau.

Mesyuarat kali ini membincangkan permasalahan bidang kuasa negeri di dalam penamaan entiti di luar pesisir. Wakil dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) turut diundang untuk memberikan sedikit penjelasan berkaitan pewartaan entiti geografi mengikut Kanun Tanah Negara 1965. PHN turut membentangkan pangkalan data digital pulau dan entiti geografi untuk makluman semua ahli. Senarai data tersebut akan sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa.



Ketua Pengarah Hidrografi sewaktu mempengerusikan mesyuarat

SEMINAR TUKUN KEBANGSAAN 2015

Pada 9 Disember 15 wakil dari PHN iaitu Lt Kdr Mohd Shukri bin Mohamad Ya'akob TLDM, Pegawai Staf Carta Elektronik telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemetaan Tukun Dalam Carta MAL' pada Seminar Tukun Tiruan Kebangsaan 2015 anjuran Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) yang diadakan di De Baron Resort Langkawi. Objektif penganjuran seminar ini bertujuan membentangkan kertas kerja berkaitan pembangunan dan aktiviti pelabuhan tukun tiruan di perairan Malaysia. Penglibatan ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada umum peranan PHN dalam isu tukun dan secara tidak langsung memperkasa fungsi PHN sebagai agensi penguasa di bidang hidrografi Negara.



Pengerusi dan Peserta Seminar

SAMBUATAN HARI GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS)

Buat julung kalinya, PHN telah menyambut Hari GIS telah pada 20 November 15. Sambutan Hari GIS merupakan aktiviti tahunan yang mula dianjurkan pada tahun 1987 oleh *National Geographic Society* bagi tujuan mempromosikan pembelajaran geografi di peringkat sekolah. Sejalan dengan perkembangan teknologi semasa dan kegunaan GIS secara meluas oleh juru ukur sedunia, PHN juga telah mengambil pendekatan proaktif dengan menggunakan aplikasi GIS dalam pengeluaran produk seperti ENC serta pengurusan data hidrografi marin. Sambutan ini juga telah memberi pendedahan dan kepentingan GIS kepada warga PHN.



Formasi 'GIS DAY' oleh pegawai dan anggota PHN semasa Majlis Sambutan Hari GIS di Padang Kawad KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH



MS ISO
9001:2008



PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

SEPETANG BERSAMA DROGGIES
2015

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL 11 APRIL 2015 (SABTU)

Former and Present Droggies yang hadir ke Majlis Sepetang Bersama Droggies

Pada 11 April 2015. Buat julung kalinya PHN telah menganjurkan Majlis Sepetang Bersama Droggies yang bertujuan menghargai segala jasa, pengorbanan dan komitmen warga Hidrografi terdahulu dalam menggembeleng tenaga dan usaha gigih mereka bagi memastikan cawangan ini berdiri teguh serta terus dapat memberi sumbangan kepada negara.

Seramai 80 orang bekas *droggies* telah hadir ke majlis tersebut termasuklah Ketua Pengarah Hidrografi Pertama iaitu Kept (B) Goh Siew Chong. Semangat dan permuafakatan yang ditunjukkan oleh warga *droggies* untuk berkumpul merupakan detik yang penuh bermakna buat semua.

Acara dimulakan dengan upacara memotong reben tanda simbolik perasmian dan seterusnya acara memotong pulut kuning. Tetamu juga disajikan dengan montaj gambar-gambar lama aktiviti hidrografi yang semestinya menggamit memori dan kenangan kepada tetamu. Majlis diakhiri dengan upacara *Sunset Ceremony* dengan diiringi pancaragam dari KD SULTAN ISMAIL, Tanjung Pengelih.

A - Ketua Pengarah Hidrografi bersama Pengarah Pencartaan menyambut ketibaan tetamu

B - Upacara perasmian oleh Ketua Pengarah Hidrografi dan mantan Ketua Pengarah Hidrografi

C - Ketua Pengarah Hidrografi bersama tetamu semasa jamuan

D - Ucapan Perasmian oleh Ketua Pengarah Hidrografi



A



B



C



D

SEPETANG BERSAMA DROGGIES



SEMINAR PEGAWAI HIDROGRAFI 2015 (SPH2015)

Aktiviti penutup tirai bagi Pusat Hidrografi Nasional bagi tahun 2015 adalah Seminar Pegawai Hidrografi (SPH) yang buat julung kalinya diadakan di *Home of Droggies* iaitu PHN pada 16 hingga 18 Disember 2015. Seminar kali ini telah dihadiri oleh 46 pegawai TLDM berkepakaran hidrografi.

Tujuan utama seminar kali ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang kepentingan teknologi *Geographic Information System (GIS)* kepada PHN dan mewujudkan perkhidmatan Web GIS serta *Marine Spatial Data Infrastructure (MSDI)*. Selain itu, tujuan seminar diadakan adalah untuk menambah baik kualiti kerja berhubung perkhidmatan hidrografi kepada organisasi TLDM, perkhidmatan ketenteraan dan Negara. SPH 2015 bermula pada petang 16 Nov di mana peserta diuji tahap kerjasama dan setiakawan di dalam aktiviti *Team Building*.

Pada hari kedua SPH 2015 dimulakan dengan perasmian oleh Ketua Pengarah Hidrografi Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim bin Hasan. Seterusnya, pembentangan oleh Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) yang bertajuk *MyGDI*. ESRI Malaysia telah membentangkan berkaitan *GIS for Everyone*, diikuti pembentangan oleh IR Technis Sdn Bhd bertajuk *Pemetaan Drone Menggunakan Teknologi LIDAR* dan pembentangan bertajuk *Transforming Geospasial Support Toward the implementation of 4D MAF* oleh Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP). Di sebelah petang SPH 2015 disambung dengan pembentangan bertajuk *Marine Spatial Data Infrastructure (MSDI)* oleh Kdr Kamaruddin bin Yusof TLDM. Lt Kdr Mohd Shukri bin Mohd Yaakob TLDM membentangkan berkenaan *Marine GIS Supporting NCO* dan *I Operation Map (iO Map)*. Seterusnya pembentangan bertajuk *Maklumat Objek Bawah Air (MOBA)* oleh Lt Mohd Khairie bin Hatun TLDM. Pada sebelah malam pula diadakan Majlis Makan Malam di Wisma Indah PHN bersempena meraikan pegawai kepakaran Hidrografi yang akan menamatkan perkhidmatan di dalam TLDM dan yang akan bertukar keluar.

SPH 2015 diteruskan pada hari terakhir dengan pembentangan oleh Ketua Sekolah Hidrografi yang bertajuk *Peningkatan Tred Kepakaran Hidrografi melalui NOSS* dan pembentangan oleh Lt Kdr Razimi bin Mohd Damri TLDM yang bertajuk *Lesson Learnt* dari Sel Data/Kawalan Mutu. Seminar diakhiri dengan 30 Minutes KP Talk dan Sesi Dialog bersama Ketua Pengarah Hidrografi.



A



B



C

- A - Ucapan Perasmian Seminar Pegawai Hidrografi 2015 oleh YBhg Ketua Pengarah Hidrografi
- B - Upacara penyampaian hadiah selepas acara *team building*
- C - Taklimat GIS dari wakil MaCGDI
- D - Taklimat dan demonstrasi menggunakan *Drone Mapping*
- E - Sesi soal jawab bersama Ketua Pengarah Hidrografi



D



E

PESERTA SEMINAR PEGAWAI HIDROGRAFI 2015







PUSAT SUMBER MARITIM DAN SEJARAH TLDM (PUSMAS TLDM)

MISI

「Menjadi Pusat Sumber Maritim
Terunggul Negara」

VISI

「Menguruskan dan Menyelidik Rekod
Maritim Bernilai Sejarah Demi Menjaga
Kepentingan Negara」

PENGURUSAN REKOD

Sepanjang tahun 2015, fail markas/unit yang mempunyai nilai sejarah dan penyelidikan untuk TLDM telah dipindahkan dan disimpan secara kekal ia melibatkan sebanyak 51 fail di Pusat ini serta 14 fail di Arkib Negara Malaysia (ANM). Selain itu, jumlah rekod digital yang telah diimbas sejumlah 6572 helaian yang terdiri daripada majalah, buku dan fail di Pusat ini.

Sebanyak 17 Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Rekod (JKPR) markas/unit telah bersidang. Daripada jumlah tersebut, ia menunjukkan bahawa pengurusan rekod TLDM telah diuruskan dengan sistematik mengikut peraturan yang ditetapkan. Manakala, sebanyak 10 buah markas/unit telah selesai keseluruhan kitaran proses pelupusan bagi tahun 2015. Sehubungan itu, TLDM kini telah menjadi peneraju pengurusan rekod ATM.

KURSUS PENGURUSAN REKOD JABATAN

Sepanjang tahun 2015 juga, sebanyak 2 siri Kursus Pengurusan Rekod Jabatan untuk Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Jabatan telah dilaksanakan dengan kerjasama ANM. Kursus-kursus tersebut telah diadakan di KD SRI KLANG pada 6 hingga 8 April 2015 dan 3 hingga 5 Jun 2015. Kedua-dua kursus melibatkan jumlah peserta pegawai dan LLP seramai 30 orang.

SISTEM PENGURUSAN REKOD ELEKTRONIK (ERMS)

Pusat ini telah melaksanakan 2 siri kursus ERMS dan 1x kursus administrator HP TRIM bagi ERMS. Pihak pengurusan atasan telah mengarahkan Sistem ERMS akan ditumpukan kepada tujuan mengarkibkan. Pusat ini juga telah mendigitalkan sebanyak 19,302 gambar yang dikumpulkan daripada Markas Pemerintahan Armada kepada bentuk rekod elektronik.

PENULISAN SEJARAH PENUBUHAN UNIT TLDM

Pusat ini dalam usaha mengemaskini sejarah penubuhan Markas/unit TLDM yang sedia ada. Dalam masa yang sama, Pusat ini juga berusaha mendapatkan sejarah penubuhan Markas/unit TLDM yang baharu ditubuhkan sebagaimana termaktub dalam Pekeliling TLDM 3/14 bertarikh 1 April 2014. Pusat bercadang untuk mewujudkan sebuah Buku Sejarah Penubuhan Unit dijangka akan dikeluarkan pada tahun 2016.

HARI INI DALAM SEJARAH (HIDS)

Artikel HIDS telah dimuat naik ke dalam portal www.navy.mil.my dan [facebook](https://www.facebook.com/TLDM) sebagai salah satu medium untuk menerbitkan penyelidikan yang telah dibuat. Artikel HIDS juga telah diterbitkan di dalam Majalah Samudera Bil 1/2015 sebagai *value added* ruangan majalah yang sedia ada bagi mengimbas peristiwa lampau sebagai maklumat dan bahan rujukan bagi generasi baru dan secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda untuk menyertai TLDM.

OUTREACH PROGRAM

Pusat ini melaksanakan outreach program bagi mencari dan menemui bual veteran TLDM untuk proses pendokumentasian sejarah yang berlaku dalam TLDM. Sepanjang 2015, sebanyak dua temu bual telah dilaksanakan berdasarkan sejarah yang dilakar oleh warga TLDM. Temu bual ini bertujuan mengenal pasti dan mengumpul maklumat sejarah lisan yang diperolehi bagi mengisi jurang maklumat di PUSMAS TLDM. Hasil temubual ini dijadikan pangkalan data bagi pendokumentasian dan pengkisan sejarah. Temu bual yang dilaksanakan sepanjang 2015 adalah:

| Temubual bersama Laksamana Pertama (B) Dato' V Ramachandran a/l Viswanathan

| Temu bual bersama Kdr (B) Lam Ah Lek TLDM N/400158

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN INFRA DAN PERALATAN**GEDUNG SIMPANAN REKOD DAN ARTIFAK PUSMAS TLDM**

Keperluan penempatan Gedung Simpanan Rekod dan Artifak merupakan satu inisiatif jangka panjang PUSMAS TLDM bagi memastikan perkembangan Pusat ini sentiasa selari dengan tugas dan fungsi mengurus, memelihara dan memulihara rekod yang mempunyai nilai sejarah serta berkepentingan kepada TLDM. Sehubungan itu, Kertas Kerja Cadangan Penempatan gedung tersebut telah dimajukan kepada YBhg Panglima Tentera Laut untuk kelulusan.

CADANGAN MEWUJUDKAN MUZIUM TLDM DI LUMUT, PERAK

Kertas Cadangan Penubuhan Muzium TLDM telah dimajukan ke pejabat PTL dan dijangka akan dibincangkan pada awal tahun 2016.

MENAIKTARAFKAN SERVER ERMS

Permohonan sewaan 2 buah *server* baharu telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu ICT KEMANTAN bagi menggantikan *server using* ERMS. Menaiktarafkan *server* ini dijangka akan meningkatkan kapasiti dan mengoptimumkan penggunaan *server* ERMS. Permohonan tersebut telah dimajukan kepada Mk TL Material dan perolehan dijangka pada tahun 2016.

PELAKSANAAN KERJASAMA BERSAMA MASYARAKAT, SWASTA DAN AGENSI KERAJAAN

Kerjasama dengan ANM. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bersama (JKIB) TLDM dengan ANM telah bersidang di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma Warisan, ANM pada 4 Jun 2015 dan Bilik Mesyuarat Batimetri, PHN pada 10 Disember 2015. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama antara TLDM dan ANM dalam pengurusan rekod kerajaan di dalam TLDM. Mesyuarat JKIB Siri 2/2015 turut membincangkan mengenai kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan ANM. Bentuk kerjasama yang dilaksanakan dan dirancang merangkumi perkara berikut:

| Pengwujudan jalinan kerjasama antara ATM dengan ANM serta penglibatan ketiga-tiga perkhidmatan melalui penaiktarafan JKIB di peringkat ATM.

| Cadangan pelantikan Jawatankuasa Kecil (Bersama) di peringkat ATM.

| Merancang program pengurusan rekod di peringkat ATM bagi tahun 2016.

MAJLIS PENGKISAHAN PERTEMPURAN KD SRI SELANGOR DENGAN KOR KOMANDO OPERASI (KKO) ANGKATAN LAUT INDONESIA PADA 24 JULAI 1964

Majlis telah dilaksanakan pada 28 Mei 2015 di Auditorium Seri Negeri, Melaka. Majlis ini julung kali dianjurkan oleh PUSMAS TLDM dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Laksamana Muda Dato' Pahlawan Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman, Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Laut mewakili Panglima Tentera Laut. Seramai 275 jemputan turut memeriahkan majlis ini terdiri daripada warga TLDM, ANM, PERZIM, Persatuan Bersara TLDM Melaka, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan pelajar sekolah sekitar Melaka. Ahli panel terdiri daripada warga KD SRI SELANGOR yang terlibat sewaktu insiden manakala moderator bagi majlis tersebut adalah pensyarah di UPNM.

PROGRAM DAN AKTIVITI SOSIAL

Sepanjang tahun ini, PUSMAS TLDM telah melaksanakan beberapa program bersama agensi luar seperti ANM, *Bousted Naval Shipyard* (BNS), dan Persatuan Bekas TLDM (PBTLDM) serta beberapa aktiviti sosial. Antara program dan aktiviti sosial yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

PENYERAHAN BANNER COMMODORE MOHAMED SIDEK BIN SHABUDIN DAN TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD

Penyerahan *banner* Commodore Mohamed Sidek bin Shabudin telah berlangsung di Bilik Pegawai Memerintah KD PELANDOK (KDP) pada 17 Februari 2015. Banner tersebut telah diserahkan oleh Pegawai Staf 1 PUSMAS TLDM, Kdr Noorhisham bin Jahari TLDM kepada Pegawai Laksana KDP, Kdr Tay Yap Leong TLDM. Penyerahan *banner* ini adalah bagi membolehkan warga TLDM mengenali dan mengetahui jasa dan pengorbanan Allahyarham Commodore Mohamed Sidek bin Shabudin. Di samping itu, turut berlangsung juga Taklimat Pengurusan Rekod kepada pegawai dan staf KDP oleh Pegawai Rekod TLDM, Lt Kdr Ahmad Syamsuri bin Yatiman TLDM di Dewan Peperiksaan Fakulti Kejuruteraan, KDP. Taklimat tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendedahan yang meluas kepada warga KDP berkenaan penggunaan rekod TLDM yang meliputi pengenalan pengurusan fail, pengurusan rekod TLDM dan sistem klasifikasi fail baru TLDM.



Majlis Penyerahan Banner



Sesi taklimat Pengurusan Rekod di KD PELANDOK

LAWATAN VETERAN TLDM KE PUSMAS TLDM

Pusat ini telah menerima lawatan daripada Veteran TLDM iaitu En. Hamzah bin Hashim, En. Hamidon bin Hj Daud dan En. Ali bin Abdullah serta isteri pada 12 Februari 2015. Mereka telah disambut oleh Pengarah PUSMAS TLDM, Kept Mohd Yusri bin Hj. Mohd Yunus TLDM di Wisma Indah. Tujuan mereka hadir ke PUSMAS adalah untuk menyerahkan lakaran gambar mengenai Pertempuran Ex-KD SRI PERAK dengan Kor Komando Operasi (KKO) Indonesia sewaktu konfrontasi pada tahun 1965. Mereka juga dibawa ke pejabat Pengarah PUSMAS TLDM untuk berkongsi pandangan, maklumat dan cerita mengenai sejarah berkaitan TLDM. Lawatan selesai pada jam 1540 dan diharapkan dengan lawatan ini, hubungan silaturahim yang dibina akan terus berkekalan.



Ketibaan Pelawat Veteran Disambut oleh Pengarah PUSMAS TLDM



Sesi Perbincangan dan Perkongsian Maklumat

TEMU BUAL BERSAMA KDR (B) LAM AH LEK TLDM N/400158

Temu bual telah dilaksanakan di Wisma Indah, KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH pada 10 Mac 2015. Temu bual ini berkisar kepada pengalaman beliau sepanjang berkhidmat dalam TLDM kerana beliau pernah menjawat jawatan Pegawai Memerintah KD SRI PERAK, KD PANAHA, KD DUYONG dan KD SRI LANGKAWI. Beliau juga merupakan Pegawai Memerintah pertama KD DUYONG.



Pegawai PUSMAS TLDM bersama Kdr(B) Lam Ah Lek TLDM

TEMU BUAL BERSAMA LAKSAMANA PERTAMA (B) DATO' V RAMACHANDRAN A/L VISWANATHAN

Temu bual telah dilaksanakan dengan kerjasama ANM bertempat di kediaman beliau di Ampang, Kuala Lumpur pada 12 Mac 2015. Temu bual ini berkisar mengenai latar belakang, sejarah perkhidmatan sepanjang dalam TLDM terutamanya mengenai sejarah penubuhan awal Pangkalan TLDM Lumut. Temu bual juga turut mencari maklumat mengenai pengalaman beliau bertugas sebagai Pegawai Memerintah KD SRI MELAKA semasa Konfrontasi pada tahun 1964.



Laksamana Pertama (B) Dato' V. Ramachandran sedang ditemu bual

MAJLIS JAMUAN MORNING TEA PEGAWAI PUSMAS TLDM BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Majlis Jamuan Morning Tea pegawai PUSMAS TLDM bersama Ketua-Ketua Jabatan Pusat Hidrografi Nasional telah berlangsung di Bilik Teknologi Maklumat PUSMAS TLDM pada 12 Mac 2015. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi merapatkan hubungan silaturahim antara para pegawai PUSMAS TLDM dan Ketua-Ketua Jabatan PHN



Morning Tea Pegawai PUSMAS TLDM Bersama Ketua-Ketua Jabatan PHN

KURSUS PENGURUSAN REKOD JABATAN

Kursus Pengurusan Rekod Jabatan untuk Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Jabatan telah dilaksanakan dengan kerjasama ANM. Kursus-kursus tersebut telah diadakan di KD SRI KLANG pada 6 hingga 8 April 2015 dan 3 hingga 5 Jun 2015. Kedua-dua kursus melibatkan jumlah peserta pegawai dan LLP seramai 30 orang.



Kursus Pengurusan Rekod Jabatan untuk Pegawai Rekod Jabatan di KD SRI KLANG

PROGRAM CAKNA PENGURUSAN REKOD TLDM 2015

PUSMAS TLDM telah menganjurkan Program Cakna Pengurusan Rekod TLDM 2015 dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) pada 25 Mei 2015. Program ini telah berlangsung di Auditorium Pusat Pemuliharaan dan Pendokumentasian Audio Visual (PPPAV), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Ketibaan Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan ANM, YBrs Puan Faridah Ishak. Seterusnya, upacara perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut dengan pukulan gong sebagai simbolik perasmian. Program yang merupakan julung kali dianjurkan ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta dari TLDM, TDM, TUDM dan ANM. Cakna berasal dari perkataan Terengganu yang bermaksud ambil peduli atau ambil berat. Program Cakna Pengurusan Rekod ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan kawalan rekod secara sistematik dari peringkat perwujudan sehingga peringkat pelupusan bagi membolehkan rekod tersebut digunakan sebagai bukti yang sah serta dipelihara kekal sebagai warisan negara.



Selepas Majlis Perasmian Program Cakna

MAJLIS PENGKISAHAN PERTEMPURAN KD SRI SELANGOR DENGAN KKO - ANGKATAN LAUT INDONESIA

Majlis yang julung kali dilaksanakan ini melibatkan dua orang tokoh yang berkhidmat di KD SRI SELANGOR sewaktu insiden iaitu Lt Kdr (B) Kweh Onn Cheong TLDM N/400346 dan 800493 MCPO SM Khalid bin Sulong. Moderator sepanjang majlis ini dilaksanakan oleh Profesor Ruhanas binti Harun dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.



Dif-Dif Kehormat bersama moderator dan panel

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK BERSAMA (JKIB) ANTARA PUSMAS TLDM DENGAN ANM


Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bersama (JKIB) TLDM dengan ANM bagi membincangkan isu-isu semasa, perkongsian maklumat dan merangka kerjasama berkaitan dengan rekod.



Delegasi PUSMAS, Mk ATM dan Arkib Negara, semasa Mesyuarat JKIB

LAWATAN BAHAGIAN STAF PERISIKAN PERTAHANAN (BSPP) KE PUSMAS TLDM

Satu lawatan ke PUSMAS TLDM oleh BSPP yang melibatkan 9 wakil BSPP telah dilaksanakan pada 17 Jun 2015. Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami pengoperasian PUSMAS TLDM serta memupuk kesedaran kepentingan pengurusan rekod dan mengarkibkan rekod. Lawatan ini dimulakan dengan taklimat penubuhan PUSMAS TLDM oleh Lt Kdr Ahmad Syamsuri TLDM dan taklimat Sistem Pengurusan Rekod Elektronik oleh Lt Tan Sze Lin TLDM Seterusnya acara disambung dengan lawatan ke PUSMAS TLDM.



Sesi Taklimat oleh Pengarah PUSMAS TLDM

MAJLIS IFTAR WARGA PUSMAS TLDM

PUSMAS TLDM telah menganjurkan Majlis Iftar bagi semua warganya di Wisma Laskar PHN pada 29 Jun 2015. Majlis diadakan bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim dan berkongsi kegembiraan semasa berbuka puasa. Selesai mengadakan solat maghrib berjemaah, majlis diteruskan dengan acara makan malam dan acara penyampaian cenderahati kepada pegawai dan staf yang bertukar.



Acara semasa Majlis Iftar

PERJUMPAAN KOMUNITI ARKIB

Bahagian Pengurusan Arkib, ANM telah menganjurkan Perjumpaan Komuniti Arkib bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Bangunan Pusat Pemuliharaan dan Pendokumentasian Audio Visual (PPPAV), ANM pada 13 Ogos 2015. Perjumpaan ini bertujuan untuk membincangkan tentang profesion kearkiban yang dilaksanakan di institusi-institusi arkib di luar ANM. Sesi perbincangan menjurus kepada 'Designated Archives' berdasarkan peruntukan undang-undang menerusi Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).



Pengarah PUSMAS TLDM bersama komuniti Arkib

BUDAYA MEMBACA DI KALANGAN WARGA PUSMAS TLDM

PUSMAS TLDM telah melaksanakan program "Kempen Membaca" peringkat PUSMAS di Perpustakaan KEMANTAN pada 9 September 2015 yang diketuai oleh Ketua Cawangan Rekod PUSMAS TLDM, Lt Kdr Syamsuri bin Yatiman TLDM sebagai satu usaha memupuk budaya membaca di kalangan warga PUSMAS khasnya dan warga *Navy People* amnya. Program ini dimulakan dengan bengkel kefahaman *genre* buku yang terdapat di perpustakaan oleh Ketua Unit Penerbitan, Lt Mohd Hisyam bin Sah Nuddin TLDM. Melalui bengkel ini, skop pembelajaran meliputi perbezaan jenis penerbitan bahan bacaan dan teknik penulisan pengarang. Usaha ini sebagai tools untuk memupuk minat terhadap pembacaan buku ilmiah.



Taklimat Tatacara Penulisan Sinopsis oleh Lt Hisyam TLDM

TEMU BUAL BERSAMA KEPT (B) GOH SIEW CHONG TLDM

Temu bual telah dilaksanakan dengan kerjasama PHN bertempat di kediaman beliau di Venice Hill Condominium, Kuala Lumpur pada 22 September 2015. Beliau merupakan Pegawai berkepakaran Hidrografi yang telah dilatih di Australia dan United Kingdom. Temu bual ini berkisar mengenai latar belakang, sejarah perkhidmatan sepanjang dalam TLDM kerana beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah KD TANJONG MERANG, Pegawai Memerintah Pertama KD MUTIARA dan Pengarah Hidrografi Pertama.



Sesi temu ramah bersama Kept (B) Goh Siew Chong TLDM



Tim bersama Kept (B) Goh Siew Chong TLDM dan Isteri

PUSMAS TLDM SEBAGAI MODEL PENGURUSAN REKOD ATM

Satu Lawatan dari Delegasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan MTU - Tadbir, Kol Dr. Ismail bin Manuri TUDM telah dilaksanakan di PUSMAS TLDM pada 24 September 2015 yang secara khususnya membincangkan idea penubuhan Pusat Rekod Agensi dan peranan pusat rekod jabatan secara komprehensif. Usaha ini merupakan inisiatif TUDM dalam mewujudkan sebuah unit menjurus kepada pengurusan rekod TUDM dengan menjadikan PUSMAS sebagai model. Perbincangan meja bulat ringkas bagi percambahan idea turut dilaksanakan di antara kedua-dua belah pihak TUDM dan TLDM. Di akhir lawatan, Pengarah Perkhidmatan MTU-Tadbir selaku ketua delegasi telah bertukar cenderamata bersama dengan Pengarah PUSMAS TLDM. Sesungguhnya lawatan ini memberi satu lagi pengiktirafan kepada TLDM dan PUSMAS sebagai Pusat Agensi Pengurusan Rekod Jabatan terulung di dalam perkhidmatan ATM yang mana juga telah diiktiraf sebagai rujukan oleh agensi lain sebelum ini.



Sesi pertukaran cenderahati

PUSMAS TLDM SEBAGAI PUSAT RUJUKAN

YBhg Laksamana Muda (B) Tan Sri K. Thanabalasingam telah melakukan kunjungan tidak rasmi ke PHN dalam usaha beliau untuk melengkapkan buku autobiografi beliau dengan bantuan dan rujukan dari PHN dan PUSMAS TLDM pada 20 Oktober 2015. Beliau merupakan anak watan pertama yang dilantik sebagai Ketua Turus Tentera Laut ketika itu dan nama Tan Sri K. Thanabalasingam bukanlah asing di kalangan warga *Navy People*. Dalam pada masa yang sama, Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. juga telah melakukan lawatan ke PUSMAS TLDM. Lawatan ini telah diketuai oleh Puan Sumathi Sangaran selaku Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat & Pentadbiran, Lt Kdr Lukman Hamzah TLDM dan Encik Ahmad Faizal Musa. Tujuan lawatan staf BN Shipyard ini adalah untuk menyiapkan dan melengkapkan sebuah Galeri BN Shipyard di Lumut. Menerusi lawatan ini, staf BN Shipyard telah mencari pelbagai gambar lama dan bahan majalah lama untuk menyemak fakta sejarah BN Shipyard yang sebelum ini dikenali sebagai Limbungan TLDM dan PSC Naval Dockyard. Sesungguhnya kedua-dua lawatan ini memberi signifikan kepada PUSMAS TLDM untuk terus mengorak langkah di dalam usaha memartabatkan pengurusan rekod untuk kegunaan masa hadapan.



YBhg KPH dan Pengarah PUSMAS TLDM bersama YBhg Laksda (B) Tan Sri K. Thanabalasingam dan Puan Sumathi

BENGKEL PUSMAS TLDM 2015

Bengkel PUSMAS TLDM 2015 yang telah diadakan selama tiga hari mulai 23 hingga 25 November 2015 di Bilik Mesyuarat Kartografi, PHN. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Pengarah PUSMAS TLDM yang melibatkan semua Pegawai dan Bintara PUSMAS TLDM. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melaksanakan *post mortem* tugas dan aktiviti sepanjang tahun 2015 dan meneliti perancangan aktiviti serta program untuk dilaksanakan pada tahun 2016. Antara topik yang dibincangkan adalah Peta Strategik 1320 Versi 2, KPI PUSMAS TLDM 2016-2020, Pembentangan Aktiviti Tahun 2016 dan Hala tuju PUSMAS TLDM. Bengkel ini telah mencapai objektif yang disasarkan dan dapat memberi manfaat serta fokus untuk tahun hadapan.



Persembahan pencapaian KPI PUSMAS TLDM



Sesi perbincangan Peta Strategik 1320 Versi 2 dan KPI PUSMAS TLDM 2016 – 2020

MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENGHARMONIAN KLASIFIKASI FAIL URUSAN FUNGSIAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA SIRI 1/2015

Bengkel Pengharmonian Klasifikasi Fail Urusan Fungsian ATM Siri 1/2015 telah dianjurkan secara kolaborasi di antara Jabatan Arah Rekod dan Pecen (JRP) dan ANM. Bengkel ini telah diadakan di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) mulai 30 Nov hingga 3 Dis 15. Sehubungan itu, Pengarah PUSMAS TLDM telah diberikan penghormatan untuk menyempurnakan upacara perasmian pembukaan sempena penganjuran bengkel tersebut. Konsep pelaksanaan bengkel ini adalah secara latih amal (amali) bagi mengharmonikan klasifikasi fail urusan fungsian ATM yang telah dibangunkan. Di antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk melaksanakan urusan sistem fail fungsian dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh ANM. Selain itu, ia turut bertujuan untuk mengharmonikan semula klasifikasi fail urusan fungsian ATM yang telah dibangunkan sebelum ini agar dapat menghasilkan satu klasifikasi fail urusan fungsian yang seragam dan boleh diguna pakai oleh semua perkhidmatan ATM.



Ucapan Perasmian oleh Pengarah PUSMAS TLDM

Secara umumnya PUSMAS TLDM ini telah berjaya mencapai kesemua KPI yang telah disasarkan pada tahun 2015. Aktiviti PUSMAS TLDM telah banyak direncanakan bagi tahun 2016 untuk memastikan pusat ini terus relevan dan diiktiraf sebagai Pusat Rekod Agensi. Pusat ini telah berjaya melaksanakan aktiviti berimpak tinggi yang mempunyai nilai pulangan yang dapat dimanfaatkan kepada warga Navy People dan TLDM khususnya melalui program Cakna dan pengkisahan. Pusat ini akan meneruskan penyelidikan dan pengurusan rekod untuk rujukan masa hadapan

A photograph of the main entrance sign for the National Hydrographic Center. The sign is a long, dark structure with a curved, metallic roof. It features two lines of text in gold-colored, raised letters. The top line reads 'KAPAL DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH' and the bottom line reads 'PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL'. The sign is set against a backdrop of green trees and a cloudy sky. To the left, a palm tree is partially visible. To the right, a tall, modern street lamp stands. In the foreground, there is a grassy area with some low-lying plants and a concrete curb.

KAPAL DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Pintu Masuk Utama

KAPAL DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS)

MISI

Menjadi Sebuah Organisasi Berkredibiliti dalam Pengurusan Pangkalan

VISI

Menyediakan Perkhidmatan Berkualiti Untuk Keselesaan Warga Pangkalan



KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

Pangkalan TLDM Pulau Indah merangkumi beberapa unit TLDM iaitu PHN, KD SAAS, PUSMAS TLDM dan KD SRI KLANG. Pelaksanaan pelbagai program aktiviti pangkalan seperti lawatan, sukan, kerohanian latihan, projek jiwa murni dilaksanakan sama ada dalam pangkalan ataupun sebaliknya. Aktiviti yang dianjurkan merangkumi ke semua unit-unit di bawah naungan PHN.

PENAMBAHBAIKAN INFRA DAN PERALATAN

Pelaksanaan kerja penambahbaikan infra melibatkan pembaikan ke atas keretakan struktur bangunan dan Senggaraan *water proofing* Wisma Indah di Pangkalan TLDM Pulau Indah. Projek telah dilaksanakan mulai awal bulan Sep 15 oleh kontraktor yang dilantik dan di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Shah Alam. Projek selesai dilaksanakan pada 31 Disember 2015. Lain-lain kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- | Pembaikan ke atas keretakan struktur bangunan di Pangkalan TLDM Pulau Indah
- | Mengecat dan pembersihan teritip ke atas semua tiang jeti PHN
- | Senggaraan 2 buah lif di Bangunan Pentadbiran dan Bangunan Oseanografi.
- | Senggaraan berjadual penghawa dingin yang melibatkan *Split Unit* (wall and casset type) dan *Air Handling Unit* (AHU)
- | Senggaraan berjadual ke atas peralatan Rumah Masak Wisma Pegawai, Bintara dan Laskar.
- | Senggaraan Janakuasa Kecemasan (tunggu sedia) 800kVa.
- | Senggaraan Sistem Kumbahan Pangkalan (*Hi-Clean System*)
- | Senggaraan *water proofing* Wisma Indah



Wisma Indah (Wisma Pegawai) Pangkalan TLDM Pulau Indah

AKTIVITI PANGKALAN

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pemakaian Pangkat LLP seramai 16 orang (2 dari KD PERANTAU)	2 Jan
2.	Program Bacaan Yasin dan Tahlil di Wisma Indah PHN	8 Jan
3.	Majlis Bersama Jabatan dan Perutusan Tahun Baru 2015 oleh Ketua Pengarah Hidrografi di Wisma Laskar	13 Jan
4.	Gotong Royong dan Sukan Pangkalan	14 Jan
5.	Arabian Night Wisma Indah	5 Feb
6.	Malam Mesra Wisma Laskar	17 Feb
7.	Pelancaran Kapal APMM KM PERWIRA di Jeti PHN	27 Feb
8.	<i>Jeans Nite</i> Wisma Indah	24 Mac
9.	Majlis Pemakaian Pangkat dan Ramah Mesra bersama Warga PHN	9 Apr
10.	Audit Pemantauan ISO 9001:2008 oleh SIRIM	6 - 7 Mei
11.	Kempen Sehari Tanpa Rokok PHN	7 Mei
12.	Pelancaran Kapal APMM KM SATRIA di Jeti PHN	8 Mei
13.	Hari Inovasi TLDM di Peringkat PHN	14 Mei
14.	Perbarisan Ketua Pengarah Hidrografi	29 Mei
15.	Bacaan Yasin dan Doa Selamat BAKAT (L) Bersempena Sambutan Bulan Ramadhan 1436 Hijrah. di Wisma Indah PHN	10 Jun
16.	Khutbah Sempena Hari Pahlawan di Masjid Negeri Selangor	31 Julai
17.	Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat UPSR di Wisma Laskar	27 Ogos
18.	Tahlil dan Doa Selamat di Wisma Indah	7 Sep
19.	Kempen Seminggu Tanpa Rokok	14 - 21 Sep
20.	Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Bersempena Hari Ulang Tahun PHN dan Sambutan Maal Hijrah 1437H.	15 Okt
21.	Perbarisan Ketua Pengarah Hidrografi	23 Okt
22.	Hari Keluarga PHN	28 Nov
23.	Latihan Penurunan Bot oleh PASKAU TUDM	2 Dis
24.	Kempen Bebas Rokok dan Vape PHN	7 - 13 Dis
25.	Program Derma Darah dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang	9 Dis

SESI PEMBELAJARAN DAN LATIHAN

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Ceramah Maulidur Rasul Bersempena dengan sambutan Maulidurrasul 1436 di Auditorium PHN	16 Jan
2.	Taklimat Ancaman <i>Islamic State</i> (IS) Auditorium PHN	19 Jan
3.	Ceramah Keselamatan (Kesedaran Kebakaran) di Auditorium PHN	22 Jan
4.	Ceramah mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera di Auditorium PHN	22 Jan
5.	Ceramah Kesihatan mengenai bahaya pengambilan gula berlebihan di Auditorium PHN	5 Feb
6.	Bengkel Smart Solat Wisma Laskar.	27 Feb
7.	Kursus Pengurusan Jenazah Bintara dan Laskar di Surau PHN.	13 Mac
8.	Ceramah Prudential di Auditorium PHN	19 Mac
9.	Program Kursus Sembelihan dan Lawatan ke Jabatan Veterinar Shah Alam Selangor.	9 Apr
10.	Taklimat Ancaman <i>Islamic State</i> (IS) Fasa 2	14 Apr
11.	Ceramah Kewangan dari Public Mutual	20 Apr
12.	Kajian Kesiagaan Spiritual Tempur di Bilik Mesyuarat Batimetri	23 Apr
13.	Ceramah Israk Mikraj 1436 Hijrah di Auditorium PHN	15 Mei
14.	Ceramah Di Ambang Ramadhan Al-Mubarak 1436H di Auditorium PHN	16 Jun
15.	Ceramah Nuzul Al-Quran di Auditorium PHN	10 Jul
16.	Ceramah Bersempena menyambut Maal Hijrah 1437H di Auditorium PHN	30 Okt
17.	Kajian Index Maritim kawasan Selatan	2-6 Nov
18.	Ceramah Keselamatan (Kesedaran Kebakaran) di Auditorium PHN	2 Dis
19.	Ceramah Bahaya Dadah dari IPD Klang Selatan	8 Dis
20.	Ceramah Penyalahgunaan Dadah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	8 Dis
21.	Ceramah Kesihatan dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang	9 Dis

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Program Jiwa Murni dan Akikah. di Rumah Amal Asnaf Al-Barakh Banting, Selangor.	26 - 27 Mac
2.	Program Jiwa Murni di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Down Syndrome dan Hyper Active	17 Apr
3.	Program Jiwa Murni Sempena Hari Ulang Tahun TLDM Di Masjid Al Syarif, Meru, Klang.	23 - 24 Apr
4.	Majlis Tadarus, Khatam Al-Quran, Sumbangan Kepada Golongan Asnaf, Saudara Baru, Cenderahati Kepada Peserta Tadarus dan Majlis Berbuka Puasa Pangkalan di Wisma Laskar PHN	6 Jul
5.	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Pangkalan TLDM Pulau Indah di Wisma Laskar PHN	7 Ogos

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Program Ulama-Umara 2015 di Dewan PICC Putrajaya	10 Feb
2.	Lawatan Sambil Belajar Ke Muzium Tentera Darat	8 Apr
3.	Lawatan Sambil Belajar ke Yayasan Restu Shah Alam Selangor	26 Mei
4.	Lawatan Ke Kapal Tentera Laut China	29 Jun
5.	Lawatan Sambil Belajar Ke Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya	30 Jul
6.	Lawatan Korporat Wanita Ke Putrajaya	30 Jul
7.	Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur	28 Ogos
8.	Lawatan Ke Kompleks Sri Perdana, Putrajaya	7 Okt

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Sambil Belajar Peserta <i>Near Shore Hydrographic Survey</i>	26 - 27 Feb
2.	Lawatan Kapal Tentera Laut India	11 Mac
3.	Lawatan Kursus Peningkatan Pegawai Urusetia TUDM	7 Apr
4.	Lawatan Bahagian KOMLEK	22 Apr
5.	Lawatan UMT	12 Ogos
6.	Lawatan Geomatika University College	19 Ogos
7.	Lawatan Akademik Pusat Latihan Pentadbiran Dan Pegurusan, Pangkalan Udara Subang	3 Sep
8.	Lawatan Sek Men Keb Putri Ampang	17 Sep
9.	Lawatan Sambil Belajar Peserta Kursus Panjang Navigasi Siri 1/2015	28 Sep
10.	Lawatan <i>Commander People's Liberation Army - Navy, People Republic of China</i>	11 Nov

PENCAPAIAN SUKAN

Bagi pencapaian di dalam bidang sukan, Lt Dya Siti Nur Masitah binti Mohd Badrin TLDM N/405499 telah mewakili warga KD SAAS ke peringkat ATM, negeri dan kebangsaan. Beliau merupakan pegawai bekalan dan menjalani latihan menembak sepenuh masa di bawah program Majlis Sukan Negara (MSN). Beliau perolehi kedudukan yang baik dalam kejohanan dunia di Kuwait dan di Korea. Manakala dalam pertandingan Sukan Sea di Singapura, beliau perolehi kedudukan keempat. Di peringkat negeri keseluruhan pingat yang dirangkul pada tahun ini adalah 6 emas, 11 perak, 7 gangsa. Bagi pertandingan antara perkhidmatan, beliau memenangi 2 emas 1 perak dan 1 gangsa.

PHN juga telah memperkenalkan piala pusingan yang dipanggil Piala Zaim. Buat pertama kalinya KD SRI KLANG berjaya menjulang piala tersebut setelah mengalahkan KD SAAS dalam pertandingan bola sepak 7 sebelah di Padang Bolas epak Sijangkang. Pada 9 Disember 2015, Pasukan Futsal KD SAAS berjaya merebut kembali piala tersebut setelah mengalahkan pasukan Wisma Pegawai. Pertandingan ini dianjurkan sebanyak dua kali setiap tahun.

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Selain menjadi pusat bagi pasukan keselamatan, KD SAAS juga merupakan pusat kerohanian bagi semua anggota tanpa mengira bangsa dan agama. Mekanisme pengurusan keselamatan dan keutuhan tadbir urus serta disiplin pangkalan turut dikoordinasi oleh KD SAAS.

AKTIVITI PANGKALAN

Sepanjang tahun 2015 pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya sama ada yang melibatkan antarabangsa, nasional, angkatan tentera, TLDM dan masyarakat setempat. Ianya termasuklah aktiviti kerohanian, sukan, lawatan, jiwa murni dan sebagainya sepertimana yang dipaparkan di jadual terdahulu. Setiap aktiviti yang dilaksanakan akan melibatkan warga markas PHN tanpa mengira unit. Ianya secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi perhubungan antara anggota di samping meningkatkan kerjasama antara satu sama lain dalam membentuk sebuah organisasi yang cemerlang.



Wisma Bintara



Jeti Pangkalan TLDM Pulau Indah Pandangan dari Bilik Mesyuarat Batimetri



Majlis Pemakaian Pangkat

- JANUARI**
- 2 Majlis Pemakaian Pangkat
 - 8 Program Bacaan Yasin & Tahlil di Wisma Indah
 - 13 Majlis Bersama Jabatan dan Perutusan Tahun Baru
 - 16 Ceramah Maulidur Rasul
 - 19 Taklimat Ancaman Islamic State (IS)
 - 22 Ceramah Keselamatan (Kesedaran Kebakaran)
 - 22 Ceramah Lembaga Tabung Angkatan Tentera



Program Smart Solat

- FEBUARI**
- 5 Ceramah Kesihatan Bahaya Pengambilan Gula Berlebihan
 - 5 Arabian Night Wisma Pegawai
 - 10 Program Ulama-Umara di PICC, Putrajaya
 - 13 Bengkel Smart Solat Wisma Laskar
 - 17 Malam Mesra Wisma Laskar
 - 27 Bengkel Smart Solat Wisma Bintara



Program Jiwa Murni di Rumah Anak Amal Asnaf Al Barakah, Banting

- MAR**
- 11 Lawatan Kapal Tentera Laut India
 - 13 Kursus Pengurusan Jenazah
 - 24 Jeans Night Wisma Indah
 - 26 Program Jiwa Murni dan Aikah di Rumah Anak Amal Asnaf Al Barakah Banting, Selangor



Majlis Tadarus, Khatam Al Quran dan Majlis Berbuka Puasa Pangkalan

- JULAI**
- 6 Majlis Tadarus, Khatam Al Quran, Sumbangan Golongan Asnaf, Saudara Baru, Sumbangan Kepada Peserta Tadarus dan Majlis Berbuka Puasa Pangkalan
 - 10 Ceramah Nuzul Quran
 - 30 Lawatan ke Jabatan Meteorologi Malaysia
 - 31 Khutbah Sempena Hari Pahlawan di Masjid Negeri Shah Alam



Majlis Sambutan Hari raya Aidilfitri

- OGOS**
- 7 Majlis Sambutan Hari raya Aidilfitri Pangkalan
 - 19 Lawatan Geomatika University Collage
 - 27 Majlis Bacaan Yaasin dan Solat Hajat untuk UPSR
 - 28 Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Kesenian Islam



Majlis Tahlil dan Doa Selamat

- SEPTEMBER**
- 3 Lawatan Akademik Pusat Latihan Pentadbiran Dan Pegurusan, Pangkalan Udara Subang
 - 7 Tahlil dan Doa Selamat
 - 14 Kempen Seminggu Tanpa Rokok
 - 17 Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Putri Ampang
 - 24 Jeans Night Wisma Indah

Program Jiwa Murni di Masjid Al Syarif, Meru



- APRIL**
- 7 Lawatan Kursus Peningkatan Pegawai Bekalan TUDM
 - 9 Majlis Pemakaian Pangkat dan Majlis Ramah Mesra Pangkalan
 - 14 Taklimat IS Fasa 2
 - 17 Program Jiwa Murni di Pusat Jagaan Down Syndrome & Hyper Active
 - 20 Ceramah Public Mutual
 - 22 Lawatan Bahagian KOMLEK
 - 23 Kajian Kesiagaan Spiritual Tempur ATM
 - 24 Program Jiwa Murni di Masjid Al Syarif, Meru Sempena Hari Ulang Tahun TLDM
 - 28 Lawatan dari Universiti Malaysia Terengganu

Perbarisan Ketua Pengarah Hidrografi



- OKTOBER**
- 7 Lawatan ke Kompleks Sri Perdana
 - 15 Program Bacaan Yasin & Tahlil Sempena Ulang Tahun PHN dan Sambutan Maal Hijrah 1437H
 - 23 Perbarisan Ketua Pengarah Hidrografi
 - 30 Ceramah Maal Hijrah 1437H

Majlis Pelancaran Jersi Piala Zain



- MEI**
- 5 Majlis Perasmian Jersi Pasukan Piala Zain Pangkalan TLDM Pulau Indah
 - 6 Audit Pemantauan ISO 9001:2008 oleh SIRIM
 - 7 Kempen Sehari Tanpa Rokok Pangkalan
 - 8 Majlis Pelancaran Kapal APMM KM SATRIA di Jeti PHN
 - 14 Hari Inovasi Peringkat Markas PHN
 - 15 Ceramah Maal Hijrah
 - 26 Lawatan Sambil Belajar ke Yayasan Restu Shah Alam Selangor
 - 29 Perbarisan Ketua Pengarah Hidrografi

Hari Keluarga Pangkalan TLDM Pulau Indah



- NOVEMBER**
- 2 Kajian Index Maritim Kawasan Selatan
 - 11 Lawatan Commander PLA Navy
 - 28 Hari Keluarga Pangkalan TLDM Pulau Indah

Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil BAKAT (L)



- JUN**
- 10 Bacaan Yaasin dan Tahlil BAKAT (L) PHN Sempena Sambutan Bulan Ramadhan
 - 16 Ceramah di Ambang Ramadhan
 - 29 Lawatan ke Kapal Tentera Laut China


Program Derma Darah



- DISEMBER**
- 2 Latihan Penurunan Bot oleh PASKAU TUDM
 - 7 Kempen Bebas Rokok dan Vape Selama Seminggu
 - 8 Ceramah Bahaya Dadah dari IPD Klang Selantan
 - 8 Ceramah Penyalahgunaan Dadah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan
 - 9 Program Derma Darah dan Ceramah Kesihatan dari HTAR

SINGKATAN

AIKP	-	Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan	LOTS	-	<i>Law of the Sea</i>
AIMS	-	<i>Accountability Index Management System</i>	MAKS	-	Markas Angkatan Kapal Selam
AML	-	<i>Additional Military Layer</i>	MAWILLA	-	Markas Wilayah Laut
APMM	-	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	METOC	-	Meteorologi dan Oseanografi
ATM	-	Angkatan Tentera Malaysia	MSI	-	<i>Maritime Safety Information</i>
BADSA	-	Badan Audit Dalam dan Siasatan Am	MTAT	-	Maktab Turus Angkatan Tentera
BPR	-	<i>Billet Pre-Requisite</i>	MTL	-	Markas Tentera Laut
CARIS	-	<i>Computer Aided Resource Information System</i>	NBOS	-	<i>National Blue Ocean Strategy</i>
DDMS	-	<i>Digital Document Management System</i>	NOAA	-	<i>National Oceanic and Atmospheric Administration</i>
DHAS	-	<i>Digital Hydrographic Archiving System</i>	OPEKS	-	Operasi dan Eksekusi
EAHC	-	<i>East Asia Hydrographic Commission</i>	PGAT	-	Pemerum Gema Alur Tunggai
ENC	-	<i>Electronic Navigational Chart</i>	PGBA	-	Pemerum Gema Berbilang Alur
eSPKB	-	Sistem Perancangan dan Kawalan Perbelanjaan Elektronik	PHN	-	Pusat Hidrografi Nasional
ESSCOM	-	<i>Eastern Sabah Security Command</i>	PUSMAS TLDM	-	Pusat Sumber Maritim dan Sejarah TLDM
GEBCO	-	<i>General Bathymetric Chart of the Oceans</i>	PUSTAKMAR	-	Pusat Taktik Maritim
GIS	-	<i>Geographical Information System</i>	RALA	-	Rancangan Latihan
HIPS	-	<i>Hydrographic Information Processing System</i>	RAN	-	Rancang
IHO	-	<i>International Hydrographic Organization</i>	SIPS	-	<i>Sonar Information Processing System</i>
JHN	-	Jawatankuasa Hidrografi Negara	SPH	-	Sekolah Pengajian Hidrografi
JHOD	-	<i>Japan Hydrographic and Oceanographic Department</i>	TLDM	-	Tentera Laut Diraja Malaysia
KD	-	Kapal Diraja	UMT	-	Universiti Malaysia Terengganu
KD SAAS	-	KAPAL DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH	UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
KDSS	-	KAPAL DIRAJA SRI SANDAKAN			



Data 3D Iban Ridge (Beting Patinggi Ali)
Reson - 8160 Multibeam Echo Sounder



*Our seas and waterways - yet to be
fully charted and explored*

World Hydrographic Day 2015 Theme



**PUSAT
HIDROGRAFI
NASIONAL**

Laporan
Tahunan Markas
2015
